

"SIFAT malu adalah sebahagian daripada keimanan dan iman itu tempatnya di dalam syurga. Perkataan yang keji itu berasal daripada watak dan perangai yang keras, sedangkan kekerasan itu tempatnya di dalam neraka".
(Hadis Riwayat Imam Termizi)

NBD, REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM TERUS KONGSI HUBUNGAN MESRA, RAPAT

Siaran Akhbar :
Jabatan Perdana Menteri

HA NOI, REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM, Isnin, 1 Disember. – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Negara yang dihoskan oleh Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Luong Cuong berlangsung di International Convention Centre, Ha Noi, malam tadi.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Juga hadir pada majlis tersebut, Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Minh Chinh yang mana kehadiran Tuan Yang Terutama menandakan hubungan rapat antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan TYT dan mencerminkan hubungan dua hala yang erat.

Pada majlis tersebut itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah menzahirkan rasa gembira untuk kembali ke 'City for Peace'.

>> Muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Santap Negara yang berlangsung di International Convention Centre, Ha Noi.
- Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.

Komited menyokong pasaran minyak global stabil, seimbang

Siaran Akhbar : Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Disember. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Menteri Yang Bertanggungjawab bagi Tenaga, telah menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri OPEC dan Bukan OPEC Ke-40 (40th ONOMM) yang diadakan secara maya pada 30 November 2025.

Turut hadir dalam mesyuarat tersebut ialah Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah dan Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal I), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Awang Haji Asrul Adrain bin Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad.

>> Muka 9

3 Memorandum Persefahaman ditandatangani

Siaran Akhbar :
Jabatan Perdana Menteri

REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM, Isnin, 1 Disember. – Sempena Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Republik Sosialis Viet Nam, tiga

Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani.

Bagi MoU between The Government of His Majesty The Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and the Government of the Socialist Republic of Viet Nam on Maritime Cooperation, menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

>> Muka 9

Peranan sektor maritim memacu ekonomi, peluang masa hadapan

Siaran Akhbar :
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

LONDON, UNITED KINGDOM, Selasa, 2 Disember. – International Maritime Organization (IMO) Sesi Ke-34 telah bermula pada 24 November 2025 di Ibu Pejabat IMO di London, United Kingdom.

Perhimpunan IMO, yang bersidang setiap dua tahun, merupakan badan pembuat keputusan tertinggi pertubuhan tersebut, menghimpunkan 176 negara anggota.

Perhimpunan IMO ini membincangkan dasar maritim dan perkapalan global, termasuk keselamatan dan sekuriti maritim, perlindungan alam sekitar marin, hal ehwal perundangan, kerjasama teknikal dan pembinaan kapasiti.

Negara Brunei Darussalam (NBD) telah diwakili oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamsyah bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

>> Muka 10



Berita Utama



SIMPOSIUM bincang perkembangan terkini, cabaran, peluang kewangan Islam
Muka 11



MEMUPUK minat pelajar ke arah kerjaya bidang perakaunan
Muka 17



MEMBINCANGKAN projek ASEAN dalam sektor kebudayaan, penerangan
Muka 19



RAIKAN pencapaian OKU dalam masyarakat
Muka 20

Kerjasama erat antara kerajaan dan rakyat hasilkan negara maju berwawasan, stabil, inklusif

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihihee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden,
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala
Asyarafil Anbiya Ewal Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin,
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee
Ajma'een.

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

ALHAMDULILLAH, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita dapat berkumpul pada pagi yang penuh keberkatan ini bagi Majlis Perasmian Kenali KementerianKu Tahun 2025.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih atas kesudian jemputan-jemputan hadir bagi memeriahkan acara pada pagi ini. Kehadiran Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan para pemimpin akar umbi amat bermakna dalam menyemarakkan komitmen kerajaan untuk terus mendekati masyarakat.

Acara Kenali KementerianKu pada tahun ini merupakan kesinambungan daripada Hari Terbuka Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) yang telah diadakan pada tahun 2023. Ia adalah bertujuan untuk memperluaskan lagi hubungan dan mempamerkan sifat keterbukaan kementerian, jabatan-jabatan di bawahnya dengan masyarakat awam. Melalui platform ini, kementerian berpeluang menyampaikan maklumat terkini mengenai dasar-dasar, inisiatif serta perkhidmatan baharu yang

digubah berasaskan keperluan rakyat.

Acara ini juga merupakan ruang terbaik untuk memperlihatkan transformasi digital, inovasi perkhidmatan serta pencapaian utama yang sedang dan akan dilaksanakan oleh kementerian serta jabatan-jabatan di bawahnya dalam memacu tadbir urus yang lebih efisien, telus, berintegriti dan *citizen-centric*.

Di antara transformasi digital yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) melalui penggunaan sistem eGate di pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Negara Brunei Darussalam. Inovasi ini memendekkan masa pemeriksaan imigresen, meningkatkan pemeriksaan keselamatan dan menjadikan proses keluar masuk lebih selesa dan efisien.

Selain itu, JIPK juga giat meluaskan penggunaan khidmat digital bagi permohonan pasport, lesen pekerja asing dan dokumen perjalanan, yang memungkinkan orang ramai mengakses perkhidmatan penting dengan lebih cepat dan mudah.

Dalam aspek keselamatan dan kesiapsiagaan awam, Jabatan Bomba dan Penyelamat turut memperkenalkan kenderaan bomba baharu yang dilengkapi teknologi moden, termasuk sistem penyemburan tekanan tinggi, sensor keselamatan terkini serta peralatan khas untuk menangani bencana di kawasan perumahan, perairan dan bangunan tinggi. Usaha ini turut diperkukuh dengan penggunaan sistem pemantauan aset berasaskan data yang membolehkan status operasi, penyelenggaraan dan kesiapsiagaan dipantau secara *real time*. Peningkatan aset dan penggunaan sistem ini

mencerminkan komitmen berterusan dalam melindungi nyawa, harta benda serta meningkatkan respons kecemasan negara.

Jabatan Penjara juga sedang memperkukuh kecekapan pengurusan keselamatan dan pentadbiran melalui pelaksanaan inisiatif sistem berteknologi digital bagi pengurusan aset kritikal dan hal ehwal banduan. Ini bertujuan bagi meningkatkan keselamatan, mempercepat operasi harian dan memperkukuh keberkesanan kawal selia banduan.

Dari aspek pengurusan bencana pula, ianya akan terus diperkukuh melalui penyatuan saluran panggilan kecemasan dan penggunaan aplikasi mudah alih yang membolehkan orang awam melaporkan insiden dengan cepat melalui pelbagai medium seperti mesej, gambar dan video. Pendekatan ini memudahkan masyarakat mendapatkan bantuan melalui satu laluan komunikasi yang lebih pantas, tepat dan efisien, sambil menyokong tindakan segera pasukan penyelamat dengan maklumat lokasi dan situasi yang lebih jelas.

Di samping itu, Jabatan-jabatan Bandaran sedang meningkatkan penggunaan sistem pengurusan bandar pintar, seperti pembayaran digital, aduan awam secara atas talian, serta perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan lesen perniagaan yang lebih mudah diakses melalui platform digital. Langkah ini seiring dengan usaha negara ke arah perbandaran yang lebih bersih, hijau dan mampan.

Jabatan-jabatan Daerah turut melaksanakan inisiatif yang menyokong transformasi digital melalui penaiktaratan dan pengintegrasian aplikasi pengundian penghulu mukim dan ketua kampung, penyediaan kemudahan pembayaran dalam



Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman semasa berucap pada Majlis Perasmian Kenali KementerianKu bagi Tahun 2025 yang berlangsung pada Isnin, 24 November 2025 bertempat di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

talian, serta memudahkan proses permohonan pengesahan bantuan menggunakan platform digital. Pendekatan ini memudahkan orang ramai membuat urusan dengan lebih cepat, telus dan efisien, sekali gus memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam yang berorientasikan rakyat.

Antara komponen signifikan dalam acara ini ialah Karnival 1K1P (Satu Kampung Satu Produk) yang bukan sahaja mempromosikan hasil produk kampung, tetapi juga menggalakkan pembangunan ekonomi setempat melalui penglibatan usahawan kecil dan sederhana.

>> Muka 19

WAKTU SEMBAHYANG										
DISEMBER	JAMADILAKHIR									
MASIH	HARI	HIJRAH	MSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
3	RABU	12	4.41	4.51	6.14	6.38	12.11	3.33	6.06	7.20
4	KHAMIS	13	4.42	4.52	6.15	6.39	12.11	3.33	6.06	7.20
5	JUMAAT	14	4.42	4.52	6.15	6.39	12.12	3.34	6.06	7.21
6	SABTU	15	4.43	4.53	6.16	6.40	12.12	3.34	6.07	7.21
7	AHAD	16	4.43	4.53	6.16	6.40	12.13	3.34	6.07	7.22
8	ISNIN	17	4.43	4.53	6.17	6.41	12.13	3.35	6.07	7.22
9	SELASA	18	4.44	4.54	6.17	6.41	12.14	3.35	6.08	7.22

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
32 24 °C	32 24 °C	31 24 °C	
Pekan Bangar			
32 24 °C	32 24 °C	31 24 °C	
Pekan Tutong			
32 24 °C	32 24 °C	31 24 °C	
Kuala Belait			
32 24 °C	32 24 °C	31 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber: Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 3 DISEMBER 2025

Cabaran kesihatan global, tanggungjawab bersama

VIRUS Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) merupakan sejenis virus yang menyerang dan melemahkan sistem imun tubuh manusia. Apabila sistem pertahanan badan terjejas, individu yang dijangkiti menjadi lebih mudah terdedah kepada pelbagai jangkitan dan penyakit serius, termasuk kanser. Sekiranya tidak dirawat, jangkitan HIV boleh berkembang ke peringkat akhir yang dikenali sebagai Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS), iaitu keadaan di mana sistem imun menjadi terlalu lemah untuk melawan sebarang jangkitan atau penyakit, sekali gus mengancam nyawa.

Namun begitu, perkembangan kepada peringkat AIDS boleh dicegah sekiranya jangkitan HIV dikesan lebih awal dan rawatan dimulakan segera. Inilah mesej utama yang disampaikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar sempena Sambutan Hari AIDS Sedunia, yang bertemakan 'Menangani Cabaran, Mentransformasi Tindak Balas AIDS'.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), dianggarkan seramai 40.8 juta orang hidup dengan HIV di seluruh dunia menjelang akhir tahun 2024. Daripada jumlah itu, 1.3 juta merupakan kes jangkitan baharu, manakala 630,000 orang telah meninggal dunia akibat komplikasi berkaitan HIV dan AIDS. Angka-angka ini mencerminkan betapa seriusnya ancaman HIV terhadap kesihatan global.

Sementara situasi di Negara Brunei Darussalam (NBD), sejak kes pertama dilaporkan pada tahun 1986 hingga Disember 2024, sebanyak 537 kes HIV telah direkodkan dengan 110 kematian. Pada tahun 2024 sahaja, 44 kes baharu telah dicatatkan, di mana 90 peratus daripadanya melibatkan golongan lelaki, khususnya mereka yang berumur antara 25 hingga 30 tahun.

Peningkatan kesedaran masyarakat serta kemudahan akses kepada ujian saringan telah mendorong lebih ramai individu berisiko tinggi tampil untuk menjalani pemeriksaan. Antara kumpulan yang dikenal pasti berisiko tinggi ialah mereka yang mengamalkan hubungan seksual rambang dan tidak terlindung, terutamanya hubungan sejenis antara lelaki (MSM).

Yang Berhormat turut menjelaskan bahawa Hari AIDS Sedunia yang disambut setiap 1 Disember sejak tahun 1988 merupakan platform penting untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang HIV serta memperingati mereka yang telah terkorban akibat penyakit tersebut. Tema sambutan tahun ini menyeru kepada transformasi menyeluruh dalam pendekatan menangani AIDS, dengan menekankan keperluan untuk menyediakan akses kesihatan yang berkualiti, bebas stigma dan diskriminasi kepada semua, khususnya mereka yang dijangkiti atau berisiko.

Sebagai masyarakat yang prihatin, kita semua memikul tanggungjawab untuk menyokong usaha pencegahan, rawatan dan pendidikan berkaitan HIV/AIDS. Hanya dengan kerjasama menyeluruh antara kerajaan, komuniti dan individu, barulah kita mampu menamatkan ancaman AIDS dan membina masa depan yang lebih sihat dan inklusif. — **Ketua Penyuntingan (Rd)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita.brunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERANGKAT MENINGGALKAN REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi
Awang Abdul Hamid



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat balik meninggalkan Republik Sosialis Viet Nam setelah selesai mengadakan Keberangkatan Negara. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda (kiri). Manakala gambar atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda menadah tangan semasa Doa Selamat dibacakan.

HA NOI, REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM, Selasa, 2 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat balik meninggalkan Republik Sosialis Viet Nam setelah selesai

mengadakan Keberangkatan Negara, hari ini.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebelum berangkat balik, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat dan hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Noi Bai bagi menyebarkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Chairman of the Office of the President, Tuan Yang Terutama Le Khanh Hai, selaku Menteri Pengiring; Chairman of the Ha Noi People's Committee, Vu Dai Thang dan Deputy Minister of Foreign Affairs, Tuan Yang Terutama Nguyen Manh Cuong.

Keberangkatan Negara ini menunjukkan komitmen Negara

Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Sosialis Viet Nam untuk mengeratkan hubungan mesra dan kerjasama berikutan penubuhan Perkongsian Komprehensif pada tahun 2019.

Ia telah memberikan peluang untuk membina kemajuan yang telah dicapai oleh kedua-dua negara dalam bidang-bidang keutamaan, dalam mana kedua-dua pihak berhasrat untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang lain yang mempunyai kepentingan bersama termasuk industri minyak dan gas, keselamatan makanan, khususnya dalam sektor pertanian makanan dan akuakultur serta industri halal.

Kedua-dua buah negara telah memeterai tiga Memorandum Persefahaman, yang antara lainnya akan meningkatkan kapasiti teknikal makmal perikanan; menambah nilai produk perikanan agar lebih berdaya saing serta meluaskan pasaran eksport; mempertingkatkan perlindungan komuniti nelayan; dan menggalakkan amalan penangkapan ikan yang bertanggungjawab serta mengukuhkan usaha-usaha kolaborasi agensi-agensi penguatkuasaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah (atas). Sementara gambar bawah dan bawah kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan paduka anakanda baginda berangkat meninggalkan Republik Sosialis Viet Nam.

DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (bawah).



BERANGKAT ADAKAN LAWATAN KE VIETTEL GROUP

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Ibu Pejabat Viettel Group, Ha Noi. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (kiri dan kanan).

HA NOI, REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM, Selasa, 2 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Ibu Pejabat Viettel Group, Ha Noi.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Deputy Minister of National Defence, Sr. Lt. Gen. Nguyen Truong Thang; dan Secretary General of Communist Party Committee, Vice President of Viettel, Major Gen. Nguyen Dinh Chien.

Semasa lawatan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mendengar sembah taklimat mengenai syarikat berkenaan dan menyaksikan pameran peralatan-peralatan ketenteraan dan awam seperti Service drones, UAV drone, Military communications system dan Autopilot systems di Viettel Digital Museum.

Viettel Digital Museum mempamerkan sejarah dan evolusi teknologi syarikat Viettel melalui gabungan pameran tradisional dan multimedia interaktif.




SEKITAR keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Ibu Pejabat Viettel Group, Ha Noi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan mendengar sembah taklimat di Viettel Digital Museum (kiri dan kanan).

NBD, Republik Sosialis Viet Nam terus kongsi hubungan mesra, rapat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Negara yang dihoskan oleh Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Luong Cuong berlangsung di International Convention Centre, Ha Noi (kiri dan kanan).

>> Muka 1

Republik Sosialis Viet Nam menjadi Ahli ASEAN pada tahun 1995 di Bandar Seri Begawan,

dan 30 tahun kemudiannya telah muncul sebagai salah satu daripada ekonomi yang semakin meningkat di rantau ini selain menjadi sebuah Negara Anggota

ASEAN yang dihormati.

Sehubungan itu, baginda yakin bahawa Republik Sosialis Viet Nam akan terus mencapai kemajuan yang ketara di bawah

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Wawasan 2045 ke arah menjadi sebuah negara yang makmur dan mampan.

Kebawah DYMM juga memuji evolusi Republik Sosialis Viet Nam di peringkat antarabangsa, termasuk pemilihan semulanya ke Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan kejayaan dalam menganjurkan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Jenayah Siber.

Secara dua hala, Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Sosialis Viet Nam terus berkongsi hubungan yang mesra dan rapat melalui Perkongsian Komprehensif.

Kebawah DYMM mengetengahkan hubungan perdagangan yang semakin mendalam dalam banyak bidang, termasuk melalui usaha sama pertanian dan kerjasama tenaga, yang membawa manfaat bersama serta menjamin keselamatan makanan dan tenaga.

Melangkah ke hadapan, kedua-dua negara mesti bekerjasama rapat untuk pertumbuhan dan pembangunan yang berterusan dan baginda menzahirkan rasa sukacita bahawa NBD dan Republik Sosialis Viet Nam sedang mengukuhkan hubungan dua hala melalui pemeteraian beberapa dokumen semasa Keberangkatan Negara ini.

Dalam mengakhiri titah, Kebawah DYMM berharap untuk bekerjasama rapat dengan Republik Sosialis Viet Nam dan Negara Anggota ASEAN yang lain untuk mencapai Wawasan Komuniti ASEAN 2045 ke arah keamanan, keselamatan dan kestabilan serantau.

BERANGKAT mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.



ANTARA persembahan pada Majlis Santap Negara (kiri dan kiri sekali).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan bersama Chairman of the National Assembly Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Thanh Man. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan kanan).

PRESIDENTIAL PALACE, HA NOI, Isnin, 1 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan bersama Chairman of the National Assembly Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Thanh

Man, yang berlangsung di National Assembly Building. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen. Sebelum Majlis Perjumpaan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

HARGAI HUBUNGAN MESRA, MEMPERLUASKAN KERJASAMA PELBAGAI BIDANG



Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah disembahkan kepada Ahli-ahli Dewan Negara.

Seterusnya, Tuan Yang Terutama telah diperkenalkan kepada delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD).

Dalam perjumpaan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menetengahkan hubungan mesra dan erat antara kedua-dua buah negara sejak terjalannya hubungan diplomatik pada tahun 1992, dengan memperluaskan kerjasama

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

yang merangkumi bidang perdagangan dan pelaburan, tenaga, pertukaran antara rakyat, pertanian, akuakultur dan industri halal.

Baginda mengurniakan ucapan tahniah kepada pihak National Assembly atas Ulang Tahun Ke-80 yang akan datang pada bulan Januari tahun depan, dan melahirkan rasa gembira dengan kerjasama yang

menggalakkan antara Majlis Perundangan NBD dan Dewan Negara Republik Sosialis Viet Nam.

Tambahan pula, peranan aktif Republik Sosialis Viet Nam dalam Perhimpunan Antara Parlimen ASEAN akan memastikan kerjasama perundangan akan terus diperkukuh dalam usaha mencapai aspirasi bersama parlimen serantau.

Terus kukuhkan kerjasama dalam keselamatan makanan, tenaga



PRESIDENTIAL PALACE, HA NOI, Isnin, 1 Disember. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat ke Majlis Perjumpaan bersama Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Minh Chinh, yang berlangsung di Government Office.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Government Office dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam dengan sambutan mesra yang menunjukkan hubungan akrab antara kedua-dua pemimpin.

Semasa Majlis Perjumpaan yang diadakan di Ibu Pejabat Government Office, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah dengan mengambil maklum bahawa Perkongsian Komprehensif, yang ditandatangani semasa Lawatan Rasmi TYT Pham Minh Chinh pada tahun 2023, telah mencapai kemajuan yang ketara melalui Pelan Tindakan, yang

membuka jalan kepada kerjasama yang lebih mendalam dalam bidang perdagangan dan pertukaran antara rakyat, termasuk kerjasama penting dalam keselamatan makanan dan tenaga.

Baginda bertitah bahawa Republik Sosialis Viet Nam adalah rakan kongsi utama tenaga, dan menzahirkan penghargaan atas usaha sama yang dibina selama ini.

Di samping itu, Kebawah DYMM bertitah menetengahkan kesediaan Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk membangunkan kerjasama dalam bidang pertanian dan akuakultur, dan berharap untuk meningkatkan lagi hubungan dua hala dalam bidang-bidang yang mempunyai kepentingan strategik pada tahun-tahun akan datang.




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Majlis Perjumpaan bersama Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Minh Chinh. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas, kiri dan bawah).



MENINGKATKAN HUBUNGAN EKONOMI SEKTOR PERTANIAN MAKANAN, AKUAKULTUR



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Mesyuarat Dua Hala bersama Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Luong Cuong. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda (atas, bawah dan kanan).



PRESIDENTIAL PALACE, HA NOI, Isnin, 1 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien

Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat ke Mesyuarat Dua Hala bersama Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama

Luong Cuong yang berlangsung di Presidential Palace, Ha Noi.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Pada mesyuarat tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa hubungan dua hala terus kukuh, dengan kedua-dua buah negara mencapai kemajuan yang ketara dalam bidang perdagangan, tenaga dan pertukaran antara rakyat sejak menubuhkan Perkongsian Komprehensif pada 2019.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Dengan kedua-dua buah negara memperoleh manfaat daripada Perkongsian Komprehensif melalui Pelan Tindakan, baginda berharap untuk meningkatkan perkongsian pada tahun akan datang.

Menyentuh mengenai ekonomi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah mengalu-alukan kerjasama yang lebih mendalam antara syarikat - syarikat Republik Sosialis Viet Nam dengan industri minyak dan gas Negara Brunei Darussalam (NBD).

Kebawah DYMM turut bertitah menekankan, dalam menjaga kepentingan bersama kedua-dua buah negara khususnya dalam keselamatan makanan,

baginda menyatakan hasrat untuk meningkatkan lagi hubungan ekonomi dalam sektor pertanian makanan dan akuakultur.

Tambahan pula titah baginda lagi, hasrat Republik Sosialis Viet Nam dalam memperdalam hubungan dalam industri halal adalah dialu-alukan.

Pada mengakhiri titah, Kebawah DYMM menzahirkan keyakinan bahawa hubungan dua hala akan terus berkembang melalui perjanjian yang ditandatangani semasa Keberangkatan Negara ini, dan menyampaikan jemputan kepada Tuan Yang Terutama untuk mengadakan Lawatan Negara ke NBD.

Berangkat hadir Majlis Sambutan Kenegaraan




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima sejambak bunga sejurus tiba bagi menghadiri Majlis Sambutan Kenegaraan (atas). Manakala gambar kanan, baginda dijunjung memeriksa Kawalan Kehormatan bersama-sama Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Luong Cuong.

PRESIDENTIAL PALACE, HA NOI, Isnin, 1 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan mengadakan Keberangkatan Negara ke Republik Sosialis

Viet Nam dengan menghadiri Majlis Sambutan Kenegaraan yang berlangsung di Presidential Palace, Ha Noi.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri



Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Republik Sosialis Viet Nam diraikan dengan Majlis Sambutan Negara yang indah, mesra dan berwarna-warni di sebuah tempat bersejarah, Presidential Palace, Ha Noi.

Dalam majlis yang mempamerkan identiti dan warisan unik Republik Sosialis Viet Nam, keberangkatan

tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah dialu-alukan oleh Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Luong Cuong dan disembahkan dengan Kawalan Kehormatan.

Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara dimainkan dan Kebawah DYMM dijunjung untuk memeriksa Kawalan Kehormatan bersama - sama Tuan Yang Terutama Presiden Republik Sosialis Viet Nam.

Dalam majlis tersebut, baginda

juga telah disembahkan kepada para pembesar Republik Sosialis Viet Nam serta Ketua-ketua Perwakilan dari Negara Anggota ASEAN di Republik Sosialis Viet Nam, manakala Tuan Yang Terutama Presiden Republik Sosialis Viet Nam telah diperkenalkan kepada anggota delegasi Negara Brunei Darussalam.

Keberangkatan Negara tersebut adalah atas undangan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Sosialis Viet Nam.

BERKENAN UTUS TAHNIAH SEMPENA HARI KEBANGSAAN UAE

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Mohamed bin Zayed Al Nahyan, Presiden Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Pemerintah Abu Dhabi, UAE; dan His Highness Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum, Naib Presiden dan Perdana Menteri, UAE, Pemerintah Dubai.



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada His

Highness Sheikh Mohamed bin Zayed Al Nahyan, Presiden Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Pemerintah Abu Dhabi, UAE;

dan His Highness Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum, Naib Presiden dan Perdana Menteri, UAE, Pemerintah Dubai,

kerabat diraja dan kerajaan serta rakyat UAE bersempena Hari Kebangsaan UAE yang Ke-54.

Perutusan tahniah sempena Hari Kebangsaan Republik Demokratik Rakyat Lao

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Dr. Thongloun Sisoulith; dan Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Dr. Sonexay Siphandone.



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar

titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Dr. Thongloun

Sisoulith; dan Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Dr. Sonexay Siphandone serta

kerajaan dan rakyat Republik Demokratik Rakyat Lao bersempena dengan Hari Kebangsaan negara tersebut yang Ke-50.




Perutusan tahniah atas pelantikan semula Ketua Menteri Negeri Sabah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor berikutan dengan pelantikannya semula sebagai Ketua Menteri Negeri Sabah.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor.

KOMITED MENYOKONG PASARAN MINYAK GLOBAL STABIL, SEIMBANG



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, selaku Menteri Yang Bertanggungjawab bagi Tenaga, menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri OPEC dan Bukan OPEC Ke-40 (40th ONOMM) yang diadakan secara maya pada 30 November 2025 (kiri dan atas).

>> Muka 1

Semasa mesyuarat tersebut, Negara-negara Peserta OPEC dan Bukan OPEC telah menegaskan komitmen jangka panjang mereka dalam Pengisytiharan Kerjasama (DoC) untuk menyokong pasaran minyak global yang stabil dan seimbang.

Mesyuarat turut menekankan kesinambungan tahap pengeluaran minyak mentah

yang sedia ada sehingga akhir tahun 2026 serta memperkukuhkan peranan Jawatankuasa Pemantauan Bersama Menteri (JMMC) dalam pemantauan keadaan pasaran dan tahap pematuhan negara-negara peserta.

Jawatankuasa tersebut akan terus bersidang setiap dua bulan dan akan mengadakan mesyuarat tambahan sekiranya perkembangan pasaran

memerlukan tindakan segera.

Sesi ini juga meluluskan mekanisme baharu bagi menilai kapasiti pengeluaran maksimum yang mampan, yang akan dijadikan asas bagi penetapan garis dasar pengeluaran tahun 2027.

Para peserta turut menegaskan kembali Piagam Kerjasama (CoC) dan memohon Sekretariat OPEC untuk mengalihkannya kepada program yang kukuh menjelang

Mesyuarat Menteri - menteri seterusnya yang dijadual akan berlangsung pada 7 Jun 2026.

Penyertaan Negara Brunei Darussalam mencerminkan sokongan berterusan negara ini terhadap usaha kolaboratif bagi memastikan kestabilan, ketelusan, dan kelestarian jangka panjang dalam pasaran tenaga global.

Negara-negara yang mengambil

bahagian dalam DoC juga bersetuju untuk melanjutkan tahap keseluruhan pengeluaran minyak mentah bagi Negara-negara OPEC dan Bukan OPEC seperti yang dipersetujui dalam Mesyuarat Menteri-menteri Ke-35 sehingga 31 Disember 2026.

Mesyuarat ONOMM Ke-41 dijadualkan berlangsung pada 7 Jun 2026 di Vienna, Austria.

3 Memorandum Persefahaman ditandatangani

IF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM BRUNEI DARUS
WORK AT MINISTRY OF AGRICULTURE AND ENVIRONMEN



>> Muka 1

Manakala Kerajaan Republik Sosialis Viet Nam diwakili oleh Menteri Luar Negeri, Tuan Yang Terutama Le Hoai Trung.

Bagi MoU between The Government of His Majesty The Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and The Government of The Socialist Republic of Viet Nam on the Use of Hotline for Information-Exchange to Address Illegal, Unreported and Unregulated Fishing, menandatangani kedua-dua MoU tersebut bagi pihak Negara

Cooperation in Fisheries; dan MoU Between The Government of His Majesty The Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and The Government of The Socialist Republic of Viet Nam on the Use of Hotline for Information-Exchange to Address Illegal, Unreported and Unregulated Fishing, menandatangani kedua-dua MoU tersebut bagi pihak Negara

MENANDATANGANI MoU tersebut bagi pihak Negara Brunei Darussalam ialah Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, manakala Minister of Agriculture and Environment, Tuan Yang Terutama Tran Duc Thang, mewakili pihak Republik Sosialis Viet Nam.

Abdul Manaf bin Haji Metussin. Manakala Minister of Agriculture and Environment, Tuan Yang Terutama Tran Duc Thang, mewakili pihak Republik Sosialis Viet Nam.

MoU-MoU tersebut diperbaharui antara lain bertujuan untuk meningkatkan lagi kapasiti teknikal makmal perikanan, menambah nilai produk perikanan agar lebih berdaya saing serta meluaskan pasaran eksport; mempertingkatkan perlindungan komuniti nelayan, dan menggalakkan amalan penangkapan ikan yang

کمبرین کصیجتن
KEMENTERIAN KESEHATAN
MINISTRY OF HEALTH
Program Pemeriksaan Kebangsaan

PENYAKIT KARDIOVASKULAR

DI NEGERA BRUNEI DARUSSALAM:
penyakit kardiovaskular adalah penyebab kematian yang tertinggi ke-2

FAKTOR RISIKO

- Peningkatan umur
- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap penyakit kardiovaskular
- Tidak aktif secara fizikal
- Mengamalkan pemakanan yang tidak sihat
- Merokok
- Meminum alkohol yang berlebihan
- Obes
- Tekanan darah tinggi
- Mempunyai paras kolesterol yang tinggi dalam darah
- Diabetis (kencing manis)
- Stres

TANDA-TANDA PENYAKIT

- Sesak nafas
- Sakit dada yang menekan-nekan bermula di bahagian tengah atau kiri dada dan biasanya merebak ke lengan kiri dan leher
- Sakit mencengkam sehingga boleh menyebabkan pitam atau pengsan
- Berpeluh dingin
- Berasa sejuk walaupun suhu persekitaran panas
- Pening kepala dan berasa loya
- Kebas
- Kerap kencing malam
- Haus / dahaga
- Penglihatan kabur
- Jantung berdebar

Jika awda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.

LANGKAH PENCEGAHAN

- Tidak merokok
- Ketahui tekanan darah awda
- Mengekalkan berat badan yang sihat
- Meningkatkan aktiviti fizikal
- Kawal paras kolesterol dan gula dalam darah awda
- Amalkan pemakanan sihat. Kurangkan makanan tinggi garam, lemak dan gula
- Tangani stres dengan bijak
- Elakkan meminum minuman keras

"Fahami risiko awda"

Sila imbas untuk mendaftarkan program pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral
Hazmi Awang Abdul Hamid

Brunei Darussalam ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji

bertanggungjawab; serta mengukuhkan usaha-usaha kolaborasi agensi-agensi penguatkuasaan.

PERANAN SEKTOR MARITIM MEMACU EKONOMI, PELUANG MASA HADAPAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi mewakili Negara Brunei Darussalam pada International Maritime Organization (IMO) Sesi Ke-34.

>> Muka 1

Semasa perhimpunan tersebut, 82 ketua delegasi, termasuk NBD telah menyampaikan Kenyataan Umum.

Dalam Kenyataan Umum, Yang Berhormat menyatakan penghargaan kepada Setiausaha-Jeneral IMO, Tuan Yang Terutama Arsenio Antonio Dominguez, atas peranan penting Tuan Yang Terutama dalam memajukan kerja dan matlamat IMO ke arah

pengangkutan maritim yang lebih selamat, lebih hijau dan lebih cekap, mempromosikan pendigitalan serta mengukuhkan sokongan untuk para pelaut dan negara-negara membangun.

Yang Berhormat juga menyatakan sokongan NBD terhadap usaha-usaha dan aspirasi bersama ini serta menegaskan kembali komitmen kukuh negara terhadap objektif IMO.

Yang Berhormat seterusnya menekankan peranan sektor

maritim dalam memacu pelbagai ekonomi, memperkasa kemudahan perdagangan, ketahanan negara serta mewujudkan peluang pekerjaan yang bersedia untuk masa hadapan.

Sempena Memperingati Ulang Tahun Ke-40 Keanggotaan NBD dalam IMO, Yang Berhormat menegaskan kerjasama jangka panjang negara dalam memajukan industri maritim yang selamat, terjamin dan mampan, termasuk pemodenan Vessel Traffic Management System (VTMS) serta pelaksanaan Maritime Single Window (MSW) pada Mac 2025, selaras dengan penyertaan NBD ke dalam Convention on Facilitation of International Maritime Traffic (Konvensyen FAL).

Mengenai Strategi IMO 2023 bagi pengurangan pelepasan gas rumah kaca daripada pengangkutan laut, Yang Berhormat menyatakan bahawa peralihan ke arah perkapalan rendah dan sifar pelepasan mestilah inklusif dan boleh dilaksanakan oleh semua negara anggota, dengan mengambil kira kapasiti dan keadaan nasional yang berbeza-beza.

Selain itu, Yang Berhormat turut berkongsi bahawa NBD telah menyumbang kepada dana kerjasama teknikal IMO, termasuk menjadi tuan rumah Bengkel Serantau IMO mengenai Konvensyen Liabiliti dan

Pampasan, yang dihadiri oleh 13 negara anggota dari rantau Asia Pasifik pada Januari 2025.

Semasa perhimpunan, Yang Berhormat mengadakan beberapa perbincangan dua hala, termasuk bersama Penasihat Terhormat, Kementerian Pengangkutan, Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Brigedier Jeneral (B.) Dr. M Sakhawat Hussain; Menteri Pengangkutan dan Logistik, Kerajaan Maghribi, Tuan Yang Terutama Abdessamad Kayouh dan Menteri Pengangkutan dan Perkhidmatan Logistik serta Pengerusi Lembaga Pengarah Transport General Authority (TGA), Kerajaan Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Saleh Al-Jasser.

Perbincangan ini meneliti potensi kerjasama dalam pembangunan maritim, termasuk kerjasama lebih luas dalam bidang pengangkutan, logistik dan keterhubungan.

Yang Berhormat juga mengadakan kunjungan hormat dengan Setiausaha - Jeneral International Organisation for Marine Aids to Navigation (IALA), Tuan Yang Terutama Francis Zachariae.

Semasa pertemuan tersebut, Yang Berhormat menekankan usaha NBD dalam memperkukuh keselamatan maritim, termasuk penambahbaikan sistem dan infrastruktur navigasi yang sedang berjalan serta rancangan akan datang untuk menyertai Konvensyen IALA.



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi ketika berucap.

Turut hadir menyertai Yang Berhormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar; Pesuruhjaya Tinggi NBD di London, Tuan Yang Terutama Laksamana Pertama (B) Pengiran Dato Seri Pahlawan Norazmi bin Pengiran Haji Muhammad; Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD), Kapten (B) Zil Husam bin Abdul Rahman bersama pegawai kanan dari MTIC dan MPABD.

Sesi Perhimpunan IMO Ke-34 akan diteruskan sehingga 3 Disember 2025, dan akan dihadiri oleh wakil daripada MTIC dan MPABD.

Membina persekitaran, ekosistem inklusif bagi golongan OKU

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Disember. - Pada 3 Disember tahun ini, Negara Brunei Darussalam (NBD) dan negara-negara ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) meraikan Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya - HAOKU (International Day of Disabled Persons) Kali Ke-32, dengan tema 'Fostering Disability Inclusive Societies For Advancing Social Progress' atau 'Memupuk Masyarakat Berkelainan Upaya Yang Inklusif Ke Arah Kemajuan Sosial'.

Tema berkenaan selaras dengan Pelan Tindakan Orang Kelainan Upaya (OKU) di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial yang menekankan membina persekitaran serta ekosistem yang inklusif bagi golongan OKU seperti infrastruktur, prasarana dan komunikasi yang mesra-OKU, pengamalan anti-diskriminasi di tempat-tempat awam, dan juga pembangunan serta pengemaskinian dasar-dasar yang mengambil kira suara OKU.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad dalam perutusan sempena HAOKU 2025.

Jelas Yang Berhormat, sejak penguatkuasaan Perintah OKU pada 1 Oktober 2021, seramai 5,443 OKU telah mendaftar dalam Pendaftaran Kebangsaan OKU. Manakala, seramai 7,615 orang menerima Elaun Kurang Upaya

(EKU), termasuk 1,195 orang menerima dua faedah, iaitu Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya.

Selain itu tambah Yang Berhormat lagi, 3,164 orang juga menerima Elaun Penyediaan Penjagaan (EPP), iaitu bantuan khas kepada penjaga OKU.

"Alhamdulillah, NBD, melalui usaha secara Whole of Nation sentiasa aktif menekankan kepentingan untuk melindungi dan memperjuangkan hak OKU.

"Antara inisiatif dan pencapaian tahun ini ialah penubuhan sebuah Task Force Pelekat Kenderaan OKU, yang dipengerusikan bersama oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), bagi meneliti tatacara penguatkuasaan penggunaan letak kereta OKU, ke arah memperkukuh aksesibiliti dan melindungi hak OKU.

"Pengeluaran Siri Wang Kertas Keluaran Baharu NBD yang akan diedarkan mulai 2026, oleh Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), yang menampilkan ciri DOMINO™ berupa titik timbul untuk membantu OKU penglihatan mengenal pasti denominasi, yang dibangunkan dengan kerjasama Brunei Darussalam National Association of the Blind (BDNAB) sebagai usaha negara meningkatkan akses pembayaran untuk semua," kata Yang Berhormat.

Dalam bidang pendidikan pula jelas Yang Berhormat, setakat September 2025, seramai

3,180 pelajar berkeperluan khas berdaftar di institusi kerajaan, dari peringkat Pra hingga Tingkatan 6. Kementerian Pendidikan juga memperluas peluang penyertaan pelajar OKU melalui pelbagai aktiviti tahunan seperti pertandingan hafazan, kolaj, nyanyian solo, pakaian tradisional dan etnik puak Brunei, serta penganjuran Program Bootcamp Rendah dan Menengah.

Tambah Yang Berhormat lagi, Pendidikan Khas Ugama turut mencatat kemajuan ketara melalui penyaluran kurikulum serta penyediaan bahan pembelajaran adaptif merangkumi modul ibadah, literasi Jawi dan kitab Braille.

"Seramai 64 murid OKU lulus Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) pada 2024, di samping penglibatan aktif mereka dalam kokurikulum keagamaan seperti Majlis Khatam Al-Quran dan program Ramadan.

"Profesionalisme guru turut diperkasa melalui latihan pedagogi, psikologi pendidikan dan terapi pembelajaran secara kolaboratif bersama pelbagai agensi, disokong oleh penyediaan 44 Bilik Bantuan Pembelajaran di sekolah ugama.

"Jumlah pelajar meningkat daripada 804 orang pada 2024 kepada 918 orang pada 2025, dibimbing oleh 92 orang guru pada 2025," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan pencapaian atlet OKU terus mengharumkan nama negara. Dalam 2nd SEA Deaf Games 2025 di Jakarta, atlet negara OKU pendengaran meraih tiga pingat gangsa. Manakala

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam perutusan sempena Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya 2025.

dalam Para Swimming Circuit di Kuala Lumpur tahun ini, atlet para renang, Awang Mohd. Danial Hakim bin Harjimmey, meraih lima pingat emas dan satu pingat perak, di samping memecahkan beberapa rekod kebangsaan.

Tambah Yang Berhormat lagi, beliau juga telah dilantik sebagai *brand ambassador* rasmi syarikat Heidelberg Materials Butra Sdn. Bhd. mulai 2026, yang setentunya memberi inspirasi kepada yang lain.

Inisiatif Projek Gelang SafeLink kata Yang Berhormat, turut diperkenalkan pada 18 Ogos 2025, hasil kolaborasi Kumpulan Together 4 Autism (T4A) di bawah Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai Pengurusan Pertengahan Ke-36 (EDPMO-36), dengan sokongan beberapa agensi swasta.

Gelang keselamatan untuk kanak-kanak autisme berkenaan tambah Yang Berhormat, dilengkapi Kod QR, mengandungi maklumat kecemasan, sebagai langkah proaktif untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan mereka.

Yang Berhormat selanjutnya berkata pada tahun ini, Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) menerima Anugerah ASEAN Outstanding Social Welfare and Development Awards (AOSWADA) bagi Kategori



Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), manakala An-Nur Harapan (UnikLearn) menerima anugerah bagi Kategori Sektor Swasta, disampaikan semasa Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN mengenai Kebajikan dan Pembangunan Sosial Ke-12 pada Ogos 2025.

"Persidangan Kebangsaan OKU Kali Pertama juga telah diadakan Januari tahun ini oleh MKOKU, KKBS dan Majlis Belia Brunei, melibatkan lebih 300 pembuat dasar, NGO dan pakar antarabangsa termasuk ASEAN Disability Forum.

"Hasil dialog ini menjadi asas kepada penyediaan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Orang Kelainan Upaya 2025 hingga 2029.

"Alhamdulillah, marilah kita sama-sama menyambut HAOKU dan pada masa yang sama, sering mengingatkan antara satu sama lain untuk menghargai nilai dan sumbangan yang dicurahkan oleh golongan OKU kepada negara.

"Dengan segala kerendahan hati, saya dengan sukacitanya mengucapkan 'Selamat HAOKU' kepada semua golongan OKU di NBD," ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusannya.

SIMPOSIUM BINCANG PERKEMBANGAN TERKINI, CABARAN, PELUANG KEWANGAN ISLAM

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad



YANG Mulia Pemangku Menteri Kewangan dan Ekonomi selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) hadir selaku tetamu kehormat majlis.

JERUDONG, Selasa, 2 Disember. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dengan kerjasama



DR. Ziyaad Mahomed, Associate Professor dan Lead Researcher (Shari'ah) di INCEIF University, Malaysia semasa berucap.

Universiti Islam Sharif Ali (UNISSA) sebagai penganjur bersama bagi inisiatif Call-for-Papers (CFP) 2024 dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) sebagai Hos Simposium, hari ini menganjurkan Brunei Darussalam Islamic Finance (BDIF) Symposium 2025 Ke-2 bertempat di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Brunei, Jerudong, di sini.

Simposium bertemakan 'Navigating Digital Frontiers in Islamic Finance' merupakan satu platform untuk membincangkan perkembangan terkini, cabaran dan peluang dalam bidang kewangan Islam, sekali gus memupuk perkongsian pengetahuan dan kerjasama antara pihak industri, akademik dan sektor awam.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk menggalakkan pengiktirafan rakan sebaya dan kemajuan akademik

melalui peluang penerbitan dan penyelidikan.

Lebih daripada 200 peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan, pengamal industri kewangan, ahli-ahli akademik, serta pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi menghadiri simposium tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Menteri Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah BDCB.

Terdahulu, simposium dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh mahasiswa Tahun 3, UNISSA, Awang Mohammad Aziz Aszreen Shah bin Haji Mohd. Zain, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengarah Urusan BDCB, Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu.

Dayang Hajah Rashidah dalam ucapannya menekankan pertumbuhan kukuh kewangan Islam di peringkat global dan serantau, dengan jumlah aset mencecah USD5.98 trilion, manakala Asia Tenggara kini muncul sebagai hab kedua terbesar dengan hampir USD1 trilion aset.

Beliau turut menggariskan pencapaian Negara Brunei Darussalam (NBD) yang menduduki tempat ke-13 di peringkat global dalam ICD-LSEG Islamic Finance Development Report 2025, di mana aset kewangan Islam merangkumi lebih separuh daripada aset sistem kewangan domestic.

Beliau juga seterusnya menegaskan komitmen BDCB untuk terus memajukan kewangan Islam melalui peluasan rangka kerja Islamic windows dalam sektor

perbankan serta pengukuhan FinTech Regulatory Sandbox bagi meluaskan akses kepada sumber kewangan dan untuk memacu inovasi.

Majlis diteruskan dengan perasmian simposium oleh tetamu kehormat dengan pelancaran laman sesawang BDIF. Laman sesawang ini berfungsi sebagai hab utama untuk memacu pemahaman, kerjasama dan pembangunan dalam ekosistem kewangan Islam di NBD.

Ia menghimpunkan maklumat utama mengenai pertumbuhan industri, landskap kawal selia dan inisiatif strategik, di samping mempamerkan usaha dalam bidang penyelidikan, pendidikan dan pembangunan modal insan. Ini menandakan satu pencapaian penting ke arah usaha untuk meningkatkan akses kepada pengetahuan dan sumber maklumat berkaitan kewangan Islam.

Acara kemudian menyaksikan Majlis Penyampaian Anugerah Kertas Terbaik iaitu satu hasil utama inisiatif CFP yang dianjurkan bersama UNISSA pada tahun 2024.

CFP menyediakan platform untuk para penyelidik, pengamal dan pelajar untuk menyumbangkan kertas akademik mengikut tema yang telah dikenal pasti, di mana beberapa kertas kerja yang dikemukakan telah terpilih berdasarkan kecemerlangan dan inovasi.

Anugerah Kertas Terbaik (Kategori Profesional) telah diraih oleh Dr. Vita Sarasi dari Universitas Padjadjaran, Republik Indonesia atas kertas kerja beliau bertajuk 'Enhancing Transparency in Islamic Finance through Blockchain : A System Thinking Approach to Accountability'.

Manakala Anugerah Kertas Terbaik (Kategori Pelajar) dimenangi oleh Dayang Nurul Amalina binti Suprem dari Universiti Shanghai Jiao Tong, China bagi kertas kerja beliau 'Breaking the Cycle : Addressing Systemic Challenges and Fostering Resilience in Brunei's Collaborative Growth Enterprises (CGEs)'.

Tiga kertas teratas daripada kedua-dua kategori telah dibentangkan semasa acara tersebut, mempamerkan pelbagai topik dan perspektif. Kertas-kertas kerja tersebut juga diterbitkan dalam Jurnal Edisi Khas UNISSA yang menekankan peranan penyelidikan dan perkongsian ilmu dalam membentuk masa depan kewangan Islam di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Seterusnya, acara menampilkan pembentangan utama oleh Dr. Ziyaad Mahomed, Associate Professor dan Lead Researcher (Shari'ah) di INCEIF University, Malaysia. Pembentangan beliau menumpukan kepada kemajuan teknologi dalam sektor kewangan serta implikasinya terhadap perkembangan dan transformasi kewangan Islam dalam era digital.

Selaras dengan tema simposium, sesi Masterclass yang dikendalikan oleh Dr. Ziyaad Mahomed akan diadakan pada 3 Disember 2025 untuk memberikan peluang kepada para peserta mendapatkan pemahaman dan penglibatan dalam bidang-bidang utama kewangan Islam secara lebih mendalam.

Turut hadir, Ahli-ahli Lembaga Pengarah BDCB dan Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah, Setiausaha-setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan ketua - ketua industri kewangan.

Memperkukuh komitmen memperkasa pelajar autisme



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Acara The Graduation and Moving Up Ceremony 2025 (atas dan atas kanan).

BERAKAS, Selasa, 2 Disember. - SMARTER Brunei memperingati Ulang Tahun Penubuhannya Ke-24 dengan acara kemuncak



tahunannya dengan Acara The Graduation and Moving Up Ceremony 2025, petang tadi.

Majlis yang berlangsung di Dewan Afi'ah, Kementerian Kesihatan, Berakas, di sini, tersebut dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Haji Ahmad selaku tetamu kehormat majlis.

Seramai 29 pelajar graduan telah berjaya menamatkan latihan masing-masing di bawah Program Latihan Berasaskan Kompetensi;

SUASANA majlis berkenaan (kiri dan kanan).

21 pelajar Kenaikan Tahap menunjukkan perkembangan, ketekunan dan kesediaan untuk meneruskan ke peringkat pembelajaran seterusnya; dan empat individu autisme yang pernah menjadi pelajar SMARTER Brunei kini dengan bangganya menjadi sebahagian daripada pasukan organisasi tersebut.

Majlis sambutan tersebut meraikan pencapaian, kemajuan dan ketabahan Individuals With Autism (IWA) di bawah program latihan berasaskan kompetensi serta program pekerjaan.

Majlis itu juga mengiktiraf kanak-kanak yang berpindah dari Pusat Early Development, Growth and Enabling (EDGE) ke Brunei Autism Centre for Adults (BACA), menandakan permulaan baharu dalam perjalanan mereka mempelajari kemahiran yang mempersiapkan mereka untuk perkembangan masa depan dan berdikari.

Ia mengukuhkan komitmen negara yang semakin berkembang terhadap pemerkasaan autisme, inklusiviti dan usaha mewujudkan peluang jangka panjang yang bermakna untuk individu dalam spektrum autisme.

Sambutan bersejarah ini bukan sahaja menghargai pencapaian komitmen berterusan SMARTER Brunei dalam menyediakan sokongan, terapi, latihan dan advokasi kepada individu dalam spektrum autisme.



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



MENINGKATKAN KAPASTI KEBANGSAAN, MEMPERKUKUH MEKANISME ASEAN-ERAT



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir pada Majlis Pembukaan ToT on Localisation of ASEAN-ERAT Trainings.

Majlis diteruskan dengan ucapan daripada Director of Operations, AHA Centre, Dr. Sithu Pe Thein, yang menegaskan sokongan berterusan AHA Centre dalam memperkukuh usaha *localisation* serta menggalakkan jalinan kerjasama yang lebih erat bersama Organisasi Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMO) dalam kalangan Negara Anggota ASEAN.

ToT ASEAN-ERAT Localisation membentuk kumpulan jurulatih nasional yang berkeupayaan untuk menyokong dan melaksanakan modul latihan ERAT yang disesuaikan dengan konteks tempatan.

Inisiatif berkenaan merupakan satu langkah penting dalam usaha NBD untuk meningkatkan kesiapsiagaan pelbagai agensi serta menyumbang kepada ekosistem tindak balas bencana serantau.

ToT kali ini disertai oleh seramai 28 orang dan 10 daripadanya terdiri daripada 10 Ahli ASEAN-ERAT NBD, 16 fasilitator yang terdiri daripada Ahli ASEAN-ERAT NBD, CAE Brunei Multi-purpose Training Centre (MPTC), AHA Centre dan

Para peserta akan didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran bagi membolehkan pelaksanaan latihan ASEAN-ERAT di peringkat kebangsaan pada masa hadapan.

Majlis Pembukaan ToT on Localisation of ASEAN-ERAT Trainings telah disempurnakan oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), KHEDN, Awang Azmi bin Haji Hafneh.

Awang Azmi dalam ucapannya menekankan, kepentingan memperkukuh keupayaan kebangsaan dan serantau dalam kesiapsiagaan serta tindak balas bencana selaras dengan komitmen Negara Brunei Darussalam (NBD) di bawah mekanisme ASEAN.

Wafa Hotel & Apartment, Annajat Complex, Beribi Gadong.

Tujuan utama CDW dan ToT berkenaan diadakan adalah untuk meningkatkan kapasti kebangsaan serta memperkukuh usaha *localisation* selaras dengan hasrat ASEAN bagi mempertingkatkan keberkesanan dan kemampuan mekanisme ASEAN-ERAT (ASEAN - Emergency Response and Assessment Team).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Disember. - Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) telah mengadakan Curriculum Development Workshop (CDW) and Training of Trainers (ToT) on Localisation of ASEAN-ERAT Trainings di negara ini bermula pada 29 November lalu sehingga 5 Disember 2025, bertempat di



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), KHEDN semasa berucap.

UN OCHA serta dua orang pemerhati (*observer*) dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan CAE Brunei MPTC.

Setakat ini, Ahli ASEAN-ERAT NBD adalah seramai 37 orang yang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan daripada agensi-agensi berkepentingan (kerajaan mahupun bukan kerajaan) dalam pengurusan bencana di negara ini.



MINDA PEMBACA

Mewujudkan keamanan dunia melalui hubungan antarabangsa

DALAM era globalisasi yang kompleks, keamanan dunia bukan sekadar impian tetapi satu keperluan strategik yang mendesak. Keamanan bukan hanya ketiadaan peperangan, tetapi kewujudan sebuah ekosistem global yang stabil, adil dan makmur untuk semua. Hubungan antarabangsa menjadi nadi kepada usaha kolektif ini, memacu kerjasama, persefahaman, dan tanggungjawab bersama antara negara-negara lain, sekali gus menegaskan peranan setiap negara dalam mengekalkan keamanan sejagat.

Asas keamanan terletak pada kerjasama ekonomi dan pembangunan. Apabila negara-negara saling bergantung melalui perdagangan, pelaburan dan rantaian bekalan, satu mekanisme keamanan

terbentuk. Kos konflik menjadi terlalu tinggi, manakala faedah kerjasama terlalu berharga untuk dikorbankan. Pertubuhan seperti World Trade Organization (WTO) dan blok perdagangan serantau bukan sahaja merangsang pertumbuhan ekonomi, malah membina jambatan persefahaman dan kepentingan bersama yang mengurangkan risiko konflik. Hubungan ekonomi ini membuktikan bahawa keamanan dan kemakmuran saling berkait rapat.

Di peringkat diplomatik, platform seperti United Nations (UN) dan ASEAN menyediakan ruang penting untuk dialog dan penyelesaian pertikaian secara aman. Melalui rundingan tertutup, diplomasi berasaskan konsensus dan pengukuhan norma antarabangsa, ketegangan dapat diredakan sebelum

menjadi krisis. Dalam konteks serantau, pendekatan sederhana dan berprinsip Brunei Darussalam, selaras dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), terus menyumbang kepada pemeliharaan kestabilan dan keharmonian ASEAN.

Namun, keamanan yang sebenar mesti melangkaui hubungan kerajaan semata-mata. Pertukaran pelajar, kerjasama akademik, festival kebudayaan, dan jaringan sains menjadi perisai terhadap prasangka dan ekstremisme. Apabila generasi muda memahami dan menghormati budaya antara satu sama lain, tembok permusuhan runtuh, digantikan dengan semangat kemanusiaan sejagat.

Kesimpulannya, mewujudkan keamanan dunia melalui hubungan antarabangsa adalah satu proses

berterusan yang memerlukan komitmen teguh setiap negara. Dengan menggabungkan kepentingan ekonomi, kebijaksanaan diplomatik, dan persefahaman budaya, dunia bukan sahaja terhindar daripada ancaman malapetaka, malah berpeluang membina warisan keamanan yang mampan untuk generasi akan datang. Inilah aspirasi penting yang sentiasa menjadi keutamaan Brunei Darussalam, menegaskan peranan negara dalam menabur keamanan di peringkat serantau dan global.

Nama : Siti Nur Syafiqah binti Haji Abd. Wahab
No. K/P : 01-124XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Pemandu Berhemah, Negara Sejahtera'. Tarikh Tutup : 3 Disember 2025
2. 'Kepentingan Pendidikan Dalam Membangunkan Negara'. Tarikh Tutup : 10 Disember 2025
3. 'Ancaman Pencemaran Udara Terhadap Kesihatan Masyarakat'. Tarikh Tutup : 17 Disember 2025

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Bagaimana Kiraan Sehari Semalam Dalam Menentukan Tempoh Sekurang-Kurang Haidh?

KELUARAN KEDUA

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

DALAM keadaan darah keluar secara terputus-putus ini, sebahagian perempuan tidak mengetahui adakah dia mengalami haidh atau tidak, lebih-lebih lagi bagi perempuan yang baru pernah mengalaminya. Dia hanya akan mengetahui sama ada darah yang keluar itu adalah haidh atau tidak setelah mencukupi 24 jam dalam tempoh 15 hari. Sekiranya mencukupi tempoh kiraan 24 jam, ia adalah darah haidh dan sekiranya tidak mencukupi tempoh kiraan 24 jam, ia adalah darah fasad atau darah istihadhah.

Oleh itu, sekiranya berlaku demikian, apa yang perlu dilakukannya berkaitan dengan ibadah-ibadah yang diwajibkan ke atasnya dalam keadaan *an-naqa'* adalah seperti berikut :

1. Perempuan yang belum pernah mengalami haidh kemudian didatangi darah ketika sudah mencapai umur haidh (9 tahun qamariah), maka dilihat keadaan-keadaan berikut :

(a) Sekiranya darah yang keluar pada hari pertama mencukupi 24 jam, kemudian darah berhenti pada hari seterusnya, maka dia hendaklah mandi hadats kerana kiraan 24 jam telah mencukupi iaitu tempoh sekurang-kurang haidh. Dia juga wajib melakukan ibadah-ibadah seperti sembahyang dan puasa.

Sekiranya darah datang semula pada hari ke 15 dan berhenti semula pada hari yang sama, maka *an-naqa'* yang berlaku antara darah-darah yang keluar itu dihukumkan sebagai haidh. Ibadah-ibadah yang dikerjakannya sepanjang waktu *an-naqa'* itu batal. Dia hendaklah mengqadha ibadah puasa yang dilakukannya pada waktu itu, namun sembahyang fardhu yang dilakukannya tidak perlu diqadha.

(b) Sekiranya darah yang keluar secara terputus-putus itu mencukupi 24 jam pada hari terakhir haidh iaitu hari ke 15 sebagaimana rajah 1 di bawah, maka pada setiap kali *an-naqa'* sebelum cukup kiraan 24 jam, dia tidak perlu mandi hadats. Dia hanya perlu berwudhu' untuk melakukan sembahyang dan melakukan ibadah-ibadah lain seperti puasa.

Oleh kerana darah keluar pada hari ke 15 mencukupi 24 jam, maka *an-naqa'* yang berlaku antara darah-darah yang keluar itu dikira sebagai haidh. Sekiranya pada waktu *an-naqa'*, dia melakukan ibadah-ibadah seperti sembahyang dan puasa, dan

Waktu	Malam	Siang	Jam	Hukum Darah
1	0	6 jam	6	Darah Haidh
2	0	0	0	
3	0	4 jam	4	
4	0	0	0	
5	0	0	0	
6	0	0	0	
7	0	0	0	
8	0	0	0	
9	7 jam	0	7	
10	0	0	0	
11	0	0	0	
12	3 jam	0	3	
13	0	0	0	
14	0	0	0	
15	0	4 jam	4	
Jumlah keseluruhan jam			24	

an-naqa' itu pula dihukumkan tempoh haidh, dia tidak dihukumkan berdosa kerana melakukan perkara-perkara yang dilarang ketika haidh itu disebabkan dia tidak mengetahui darah akan keluar lagi. Walau bagaimanapun dia hendaklah menqadha ibadah puasa yang dilakukannya pada waktu *an-naqa'* itu. Akan tetapi sembahyang fardhu yang dilakukannya tidak perlu diqadha.

(c) Sekiranya darah yang keluar secara terputus-putus itu mencukupi 24 jam pada pertengahan tempoh haidh dan darah keluar semula pada hari ke 15 sebagaimana rajah 2 di bawah, maka *an-naqa'* yang berlaku sebelum mencukupi 24 jam, dia tidak perlu mandi hadats untuk melakukan sembahyang dan memadai hanya berwudhu sahaja. Manakala *an-naqa'* yang berlaku selepas mencukupi 24 jam, dia hendaklah mandi hadats untuk melakukan sembahyang.

Waktu	Malam	Siang	Jam	Hukum Darah
1	0	6 jam	6	Darah Haidh
2	0	0	0	
3	0	0	0	
4	0	0	0	
5	0	8 jam	8	
6	0	0	0	
7	0	0	0	
8	0	0	0	
9	7 jam	0	7	
10	0	0	0	
11	0	0	0	
12	3 jam	0	3	
13	0	0	0	
14	0	0	0	
15	0	8 jam	8	
Jumlah keseluruhan jam			32	

Oleh kerana darah keluar semula pada hari ke 15, maka *an-naqa'* yang berlaku antara darah-darah yang keluar itu dikira sebagai haidh. Ibadah-ibadah yang dikerjakannya sepanjang waktu *an-naqa'* itu batal. Dia hendaklah mengqadha ibadah puasa yang dilakukannya pada waktu itu, namun sembahyang fardhu yang dilakukannya tidak perlu diqadha.

2. Sekiranya seorang perempuan yang pernah mengalami haidh tetapi baru pertama kali mengalami darah keluar secara terputus-putus, maka sebaik-baik sahaja berlaku *an-naqa'* setelah mencukupi 24 jam darah keluar, dia wajib mandi dan melakukan ibadah-ibadah yang diwajibkan ke atas perempuan yang suci seperti sembahyang sebagaimana yang dinyatakan Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Majmu' syarh al-Muhadzdzab :

Ertinya : Apabila seorang perempuan melihat *an-naqa'* pada hari kedua, dia hendaklah melakukan amalan (ibadah yang dilakukan) perempuan-perempuan suci tanpa ada perselisihan ulama mengenainya, kerana kita tidak mengetahui adakah dia mengalami talfiq (mengalami haidh yang terputus-putus), kerana ada kemungkinan (darahnya) berterusan berhenti. Mereka berkata : Maka wajib ke atasnya (perempuan itu) untuk mandi dan berpuasa, mengerjakan sembahyang dan (boleh) dia membaca al-Qur'an, menyentuh mushaf (al-Qur'an), thawaf, i'tikaf dan (boleh) untuk suami menyetyubuhinya.

Sekiranya darah yang keluar secara terputus-putus itu tidak mencukupi 24 jam, maka perempuan itu hanya berwudhu untuk melakukan sembahyang. Adapun sembahyang yang ditinggalkannya ketika darah keluar tidak mencukupi 24 jam itu wajib diqadha.

Sekiranya darah keluar semula selepas berlaku *an-naqa'* dan mencukupi 24 jam dalam tempoh tidak melebihi 15 hari, maka *an-naqa'* yang berlaku antara darah-darah yang keluar itu dikira sebagai haidh. Sekiranya pada waktu *an-naqa'* dia melakukan ibadah-ibadah yang dilarang ketika haidh seperti sembahyang, puasa dan seumpamanya, maka batal ibadah-ibadah itu namun dia tidak berdosa disebabkan perbuatannya itu. Walau bagaimanapun dia hendaklah menqadha puasa, akan tetapi sembahyang fardhu yang dilakukannya tunai pada waktu *an-naqa'*, tidak perlu diqadha. Adapun dalam keadaan suami menjimak isteri pada waktu *an-naqa'*, maka keduanya tidak berdosa kerana jahil iaitu tidak mengetahui darah akan keluar semula.

3. Sekiranya dia mengalami darah terputus-putus pada bulan kedua dan seterusnya, dia hendaklah melakukan ibadah-ibadah yang diwajibkan ke atas perempuan yang suci seperti sembahyang sebagaimana bulan yang pertama. Oleh itu, dia wajib melaksanakan mandi hadats setiap kali berlaku *an-naqa'* ketika darah keluar mencukupi kiraan 24 jam dan melakukan ibadat-ibadat sebagaimana perempuan-perempuan suci.

Ini merupakan pendapat sebahagian ulama asy-Syafi'iyah antaranya asy-Syaikh Abu Hamid, Ibn Shabbagh dan Ibn Zaid *Rahimahumullah* sebagaimana disebut dalam kitab al-Majmu' Syarh al-Muhadzdzab :

Ertinya : Bahawasanya hukum bulan kedua, ketiga, keempat dan selepasnya kekal (hukumnya) sebagaimana bulan yang pertama. Maka dia hendaklah mandi setiap kali *an-naqa'* (setelah mencukupi 24 jam), melakukan ibadah-ibadah dan suami (boleh) menggaulinya.

Pendapat ini ditarjih oleh Imam al-Haramain *Rahimahullah* dan dikuatkan

IRSYAD HUKUM

جَانِبٌ مِّنْ كُلِّ جَانِبٍ

جَانِبٌ مِّنْ كُلِّ جَانِبٍ

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn • info@mufti.gov.bn

lagi dengan perkataan Imam asy-Syafi'i *Rahimahullah* yang disebut dalam kitab al-Umm tentang kewajipan mandi hadats dan sembahyang setiap kali berlaku *an-naqa'*. Inilah pendapat shahih sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya Raudhah ath-Thalibin. Katanya :

Ertinya : Dan pendapat kedua : Bahawa terputus-putus itu, sekiranya berulang banyak kali, maka hukumnya (sama seperti) hukum (bulan) yang pertama. Pendapat ini adalah pendapat Abu Zaid. Aku berpendapat : Pendapat kedua ini merupakan pendapat yang diputuskan oleh asy-Syaikh Abu Hamid dan pengarang kitab asy-Syamil (Ibn Shabbagh) dan yang lainnya. Dan ini zahir nashnya (Imam asy-Syafi'i) dalam (kitab) al-Umm dan ini (pendapat) yang ashah.

Namun sekiranya darah keluar semula selepas berlaku *an-naqa'* dalam tempoh tidak melebihi 15 hari, maka waktu keluar darah dan *an-naqa'* adalah dikira tempoh haidhnya. Keadaan ini sama dengan dua keadaan di atas. Oleh itu, sekiranya pada waktu *an-naqa'* dia melakukan ibadah-ibadah seperti sembahyang dan puasa, maka batal ibadah-ibadah tersebut. Dia hendaklah mengqadha puasanya namun sembahyang fardhu yang dilakukan tunai pada waktu *an-naqa'*, tidak perlu diqadha.

Sebagai kesimpulan, mengetahui dengan tepat kaedah pengiraan tempoh haidh amat penting lebih-lebih lagi bagi perempuan kerana ia berkaitan tentang perlaksanaan ibadah seperti sembahyang, puasa dan lain-lain ibadah. Sekurang-kurang tempoh haidh ialah sehari semalam iaitu 24 jam. Kiraan 24 jam itu pula dikira sama ada darah keluar secara berterusan dalam tempoh sehari semalam atau keluar secara terputus-putus namun mencukupi kiraan 24 jam dalam tempoh tidak melebihi 15 hari 15 malam.

منوجو كريضاءن الله MENUJU KEREDAN ALLAH كولان قوسه دعوه اسلاميه

MANUSIA adalah makhluk Allah Subhanahu Wata'ala yang diberikan keistimewaan berbanding dengan makhluk Allah yang lain.

Selaku hamba Allah Subhanahu Wata'ala, kita dituntut untuk beribadat kepada-Nya, mematuhi segala perintah-Nya, dan sentiasa mengingati-Nya setiap masa dan di mana juga berada serta selalu berusaha menegakkan hukum-hukum yang ditetapkan oleh-Nya.

Bencana pada hakikatnya adalah keadaan atau situasi yang tidak diinginkan oleh sesiapa pun jua kerana bencana yang datang adalah merupakan satu penderitaan atau kesengsaraan seperti bencana alam,

Ujian sebagai penghapus dosa

kematian, kelaparan, kemelesetan ekonomi, wabak penyakit dan sebagainya.

Jika dilihat daripada pendekatan agama, bencana yang berlaku adalah disebabkan oleh perbuatan manusia itu sendiri. Allah Subhanahu Wata'ala menurunkan bencana kepada hamba-Nya adalah sebagai peringatan kerana perbuatan mereka yang melampaui batas. Namun begitu, tidak semua kesalahan manusia dibalas dengan bencana. Banyak kesalahan telah diampunkan Allah tanpa disedari. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Asy Syuura, ayat 30, maffmnya :

"Dan apa jua musibah yang menimpa kamu maka ia adalah disebabkan apa yang dilakukan oleh tangan-tangan kamu dan Allah mengampunkan sebahagian besar daripada dosa kamu".

Akibat daripada dosa dan maksiat yang

lakukan, mereka yang tidak berdosa pun menerima akibatnya dan menjadi mangsa.

Bencana yang bersifat merosakkan akan menyebabkan kesengsaraan dan penderitaan yang menghancurkan adalah disebabkan perlakuan manusia itu sendiri.

Bencana alam yang sering berlaku ialah banjir, kemarau, gempa bumi, taufan, letupan gunung berapi, tanah runtuh dan sebagainya. Bencana tersebut mengakibatkan kemusnahan harta benda, rumah, bangunan, kehilangan keluarga, pekerjaan dan sebagainya.

Semua bencana yang berlaku adalah merupakan satu ujian atau bukti kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala kepada manusia tidak kira sama ada yang sering melakukan maksiat atau pun kepada orang yang soleh. Semuanya adalah kehendak Allah, tiada ada satu pun yang boleh menyekat atau

menghalangnya dari berlaku dan kita tidak dapat lari daripada kehendak dan ketentuan-Nya.

Malahan Allah Subhanahu Wata'ala akan memberikan pahala kebaikan jika seseorang yang diuji tersebut bersabar dan melakukan kebaikan dan mencari jalan keluar dengan cara yang diredai-Nya, dan sebaliknya Dia akan memberikan dosa jika ia tidak bersabar dan mencari jalan keluar dengan cara yang tidak diredai-Nya.

Sebagai hamba-Nya yang beriman, pastinya tahu dan sedar bahawa setiap kejadian yang berlaku adalah merupakan sebagai penghapus dosa. Allah Maha Pengasih dan Maha Penyayang terhadap hamba-hamba-Nya. Dikurniakan-Nya ujian hidup yang zahirnya begitu menyusahkan tetapi pada hakikatnya mengandung seribu hikmah.



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
15 / BBS / SDSFJBKBS(RT) /
2025-2026

Keterangan Projek:
Membekalkan Perabot-Perabot
Pejabat Jabatan Bandaran Kuala
Belait Dan Seria

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non-Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
23 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPR(A) /
2025 – 2026
Perkhidmatan Pemotongan
Rumput Tempoh Dua (2) Tahun
Bagi Zon 'A'

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPR(C) /
2025 – 2026
Perkhidmatan Pemotongan
Rumput Tempoh Dua (2) Tahun
Bagi Zon 'C'

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPR(F)
2025 - 2026
Perkhidmatan Pemotongan
Rumput Tempoh Dua (2) Tahun
Bagi Zon 'F'

Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam
Tahun 1446H-1447H /
2025M-2026M

Tarikh Tutup:
Rabu,
19 Jamadilakhir 1447H /
10 Disember 2025M



Bilangan Tawaran:
21 / BBS / SH / 2025 – 2026

Keterangan Projek:
Kerja-Kerja Pembaikan Elektrik
Lampu Kawasan Letak Kereta
Gerai Taman Persiaran,
Jalan Sungai Kuala Belait

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
9 Disember 2025



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 118 / 2025

Tajuk:
Provision Of Technical Assistance
In The Maintenance Of 5 Units Of
Man K6 Major MK3 Generating
Sets At Belingus Power Station

Tarikh Tutup:
Selasa, 9 Disember 2025
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1, Bangunan
Jabatan Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Companies Registered With The
Ministry Of Development in Class
III, IV or V And Have Categories
E03 or M03

**Dokumen-dokumen tawaran
dan penerangan-penerangan
yang lanjut bolehlah diperolehi
dari Kaunter
Unit Tawaran, Tingkat Empat (4),
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Negara Brunei Darussalam.**



**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

Kelas:
I Atau II

Kategori:
-

Tarikh Buka Tawaran pada:
1 Disember 2025
(Isnin)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
22 Disember 2025
(Isnin)

Tarikh Tutup Pada:
29 Disember 2025
(Isnin)
Sebelum jam 9.00 pagi

(Di Tutup di Tingkat 1,
Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar,
Taman Dan Rekreasi,
Bangunan Tumasek Plaza,
Jalan Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha,
Bandar Seri Begawan BA1910,
Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / QTN113 / 2025
Penyediaan Perkhidmatan
Pajakan Untuk Penghadang
Sisa Makanan Di Jabatan Alam
Sekitar, Taman dan Rekreasi
Bagi Tempoh Selama
Tiga (03) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / QTN113 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND9.00
(Tidak di Kembalikan)



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2025 – 2026 / 81 /
UP / 35

Tajuk Sebut Harga:
Relocation Of Electrical Panel Box
At Gerai Tamu Selera, Jalan Dato
Taib, Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis, 4 Disember 2025
Jam 2.00 Petang

**Keterangan Lanjut Boleh
Diperoleh Dari:**
Seksyen Perkhidmatan



**JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran:
(15-2025)JAPEM / 2.3 / 4 / 03

Tajuk Tawaran:
Perkhidmatan Penyewaan Dan
Pembekalan Mesin Fotokopi
Untuk Bahagian Dan Unit
Dibawah Jabatan Pembangunan
Masyarakat Bagi Tempoh
48 Bulan

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
16 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERANCANGAN
EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**
JPES / FIN / 6 / SH.UMUM / 03
Pembelian Dan Penghantaran
Peralatan Tulis Untuk Keperluan
Jabatan Perangkaan Dan
Bahagian-Bahagian Dibawahnya

Tarikh Tutup:
Rabu,
10 Disember 2025



Kenderaan dan Pengutipan
Sampah,
Bahagian Perkhidmatan
Perbandaran dan Kebersihan
Depot Jabatan Bandaran,
Kampung Belimbing Subok,
Jabatan Bandaran Bandar
Seri Begawan



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**DA / JKSH / 140 / 2025 / 2026
[BPPA-DIS-2025]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin
Bagi:

Sekolah Rendah Bebuloh
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND20.00 Sebulan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu, 20 Disember 2025
Jam 9.00 Pagi

Syarat Khas:
Dibukakan Khas Bagi Warga Negara
Dan Penduduk Tetap Negara Brunei
Darussalam, Pemilik Syarikat /
Premis Syarikat Hendaklah
Beralamat (Mengikut Sijil Perniagaan
16 / 17) Ditempat Kantin Berkenaan
Bertapak. Sebagai Contoh, Hanya
Pemilik Syarikat/Premis Syarikat
Yang Beralamat Di Daerah Brunei
Muara Yang Dapat Dipertimbangkan
Untuk Mengendalikan Kantin Di
Sekolah-Sekolah Yang Bertapak Di
Daerah Brunei Muara.



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 132 / 25 – 26
Perkhidmatan Penggambaran Dan
Pos Produksi (Penyuntingan)
Rancangan Dakwah,
Bahagian Rancangan TV

Bayaran Yuran:
BND5.00 (tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (jika perlu dan
tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu,
24 Disember 2025,
Jam 2.00 Petang





KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
KK / 341 / 2025 / HTD

Keterangan:
Provision Of Dental Chairs For The Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND1,000.00

Bilangan Tawaran:
KK / 342 / 2025 / ESTETRI PASH

Keterangan:
Replacement Of Cooling Tower Make Up Water Tank At M&E Plant, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 343 / 2025 / PPN (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Prosthodontic Consumable Items For Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 344 / 2025 / PPN (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Dental Consumable Items For Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 347 / 2025 / UPP

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medical Consumables For Emergency Medical Ambulance Services (E.M.A.S.), Ministry Of Health For A Period Of One (1) Year

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 348 / 2025 / LAB (TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Laboratory Consumables (Part 2) For National Mycobacteria Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 349 / 2025 / LAB(TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Nucleic Acid Extraction Kits, Multiplex RT-PCR Kits For SARS-COV-2 & HPV Detection Assays And Consumables With Equipment Rental For National Virology Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND 500.00

Tarikh Tutup:
9 Disember 2025
Tidak lewat jam 2.00 petang

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 184 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 185 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 186 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 187 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 188 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 189 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 190 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 191 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years



Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 192 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 193 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran :
BND 10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 194 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 195 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 196 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 197 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 198 / 2025 / PHARM(TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup:
23 Disember 2025
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**PUSAT SEJARAH BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Notis Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
7 / NOVEMBER / 2025 / PSB / PD.575
Membekal, Menghantar Dan Memasang Skrin Paparan LED Digital Di Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
8 / NOVEMBER / 2025 / PSB / PD.575
Mencetak, Membekal Dan Menghantar Cenderamata Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 11 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
III atau IV

Kategori:
M01

Tarikh Tutup:
Selasa, 30 Disember 2025
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 37 / 2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Operasi Dan Kerja-Kerja Pemeliharaan Sistem Hawa Dingin Bagi 'Group Location 7' Untuk Tempoh Dua (2) Tahun (2026)

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)



**PERATURAN
PENGIKLANAN**
 (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
 DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

Technical Assistance Division,
Department Of Administration
Ministry Of Foreign Affairs

Bilangan Sebut Harga:
MFA / PENT / 03 / 2025
Provision of Health Insurance for
Students Awarded The
Government of Brunei Darussalam
Scholarship (BDGS) for Foreign
Students Tenable in Brunei
Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
3 Disember 2025
Sebelum jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
26 / MFA-ICC-Q / 2025-26

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract Fire Safety
Maintenance And Services For
International Convention Centre,
Berakas,
Ministry Of Foreign Affairs,
Brunei Darussalam For A Period
Of 12 Months - FSOR

Bayaran Yuran Dokumen:
BND5.00 setiap dokumen
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
10 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Iklan Tarikh Lanjutan

Tajuk Sebut Harga:
To Supply and Deliver Toner / Ink
for Department Of Civil Aviation,
Ministry Of Transport And
Infocommunications:
01 Year Contract

Rujukan Sebut Harga:
ADMIN / 2025-2026 / SH-03(R)

**Dokumen Sebut Harga bolehlah
diperoleh :**
Kaunter Seksyen Kewangan
Aras Bawah
Bangunan Ibu Pejabat Jabatan

Penerbangan Awam
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

Nota:

- Waktu beroperasi:
- Setiap Isnin hingga Khamis dan Sabtu (tutup pada Jumaat, Ahad & Hari Kelepasan Awam)
 - 8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi / 1.30 Petang hingga 2.00 Petang (Isnin-Khamis) / 8.30 Pagi hingga 10.30 Pagi (Sabtu).
 - Peserta hendaklah membawa kad pengenalan atau pasport yang sah.

Harga Yuran Dokumen:
BND5.00 setiap satu (1) dokumen sahaja
(Yuran tidak akan dikembalikan)

**Tarikh Tutup Menghantar
Dokumen Sebut Harga:**
Selasa, 10 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dalam**

Kelas:
Terbuka

Kategori:
Terbuka

Tarikh Buka Sebut Harga:
24 November 2025

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Isnin, 8 Disember 2025

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa, 9 Disember 2025
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
KHEDN / LTK / 2025-10

Tajuk Projek:
Term Contract (2 Years)
Pembaikan Gerai-Gerei Di Bawah
Kawalan Jabatan-Jabatan Daerah

Bilangan Projek:
KHEDN / UPE / 2106 / 09



JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bil. Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 13 /
2025 - 2026

Keterangan:

Mencetak, Membekal Dan
Menghantar Buku-Buku Teks
Pendidikan Islam Tahun 3, Bagi
Sesi Pembelajaran Tahun 2026,
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal EHWal Ugama,
Tahun 1447H-1448H /
2025M-2026M

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu, 19 Jamadilakhir 1447H /
10 Disember 2025M



JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan:
JMM / JKSH / Q&T / 2025 / 20

Sebut harga Untuk:
Tawaran Bagi Membekalkan
Jamuhan Secara Berkontrak
Selama Satu (01) Tahun Bagi
Mesyuarat Pertama dan Kedua
Dari Musim Permesyuaratan
Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara
dan Raptai; dan Majlis-Majlis,
Mesyuarat-Mesyuarat, Kunjungan
Hormat dan Lawatan Bagi Jabatan
Majlis-Majlis Mesyuarat Bagi
Tahun 2026

Tarikh Tutup:
16 Disember 2025



Bilangan:
JMM / JKSH / Q&T / 2025 / 19

Sebut harga Untuk:
Tawaran Bagi Penyediaan
Perkhidmatan Penginapan
Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara
Di Sepanjang Persidangan
Mesyuarat Pertama Dan
Mesyuarat Kedua Dari Musim
Permesyuaratan Ke-22 Majlis
Mesyuarat Negara Bagi
Tahun 2026

Tarikh Tutup:
16 Disember 2025



JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(138) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)
Kerja-Kerja Pembinaan Garaj
Di Depan Bangunan Asal,
Jabatan Penerangan

Bayaran Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(139) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)
Kerja-Kerja Penyelenggaraan
Siling Di Aras Bawah Dan Aras
Dua Bangunan Tambahan,
Jabatan Penerangan

Bayaran Yuran Tawaran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(140) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)
Kerja-Kerja Servicing Dan
Penyelenggaraan Alat Pemadam
Api (Tambahan),
Jabatan Penerangan

Bayaran Yuran Tawaran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
4 Disember 2025
Jam 8.00 Pagi



JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Sebut harga hendaklah
dimasukkan ke dalam Peti Sebut
harga dan dialamatkan kepada Ibu
Pejabat, Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan, Jalan Muhibbah,
Lapangan Terbang Lama, Berakas
BB3510 Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

1. JPt / SH / 102 / 2025 - 2026
To Provide Training For Shena
Radiation License

2. JPt / SH / 103 / 2025 - 2026
Provision Of Service To Acquire A
Trainer For Building A Reliable
Sensory Panel To Conduct
Descriptive Sensory Analysis Of
Durian Fruits

3. JPt / SH / 104 / 2025 - 2026
Supply, Deliver And Install
Stainless Steel Standing Fridge
(600 L)

4. JPt / SH / 105 / 2025 - 2026
Kerja-Kerja Memotong Rumpun
Dan Membersihkan Kawasan Ibu
Pejabat, Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan, Lapangan Terbang
Lama Berakas Untuk Tempoh
Dua (2) Tahun

Tarikh Tutup:
Tidak lewat dari jam 2.00 petang
pada Khamis, 8 Januari 2026

Borang Sebut Harga:
BND7.00



PASTIKAN AWDA MEMENUHI SYARAT-SYARAT KELAYAKAN BAGI JAWATAN YANG AKAN DIPOHON

Maklumat profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi
syarat kelayakan** Skim Iklan akan **tidak disenaraipendekkan**



MEMUPUK MINAT PELAJAR KE ARAH KERJAYA BIDANG PERAKAUNAN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Disember. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) dengan kerjasama Brunei Darussalam Institute of Certified Public Accountants (BICPA) telah mengadakan Jerayawara Mengenai Profesion Perakaunan pada Khamis, 20 November 2025, bertempat di Theatre Hall 1, Pusat Tingkatan Enam Sengkulong.

Jerayawara berkenaan didasarkan kepada para pelajar institusi tersebut, dengan tujuan untuk memberikan pendedahan awal terhadap profesion perakaunan, memupuk minat serta menggalakkan pelajar-pelajar untuk mula merancang laluan akademik ke arah kerjaya dalam bidang perakaunan selepas tamat pengajian.

Pemangku Pengarah di

Bahagian Hasil, MOFE, Awang Haji Mohammad Hassanol bin Haji Abd. Rahman, dalam ucapan alu-aluannya menekankan kepentingan profesion perakaunan dan menjelaskan bahawa negara masih berdepan kekurangan akauntan dan juruaudit bertauliah walaupun keperluan terhadap khidmat berkenaan semakin meningkat.

Beliau turut menyatakan bahawa akauntan memainkan peranan penting dalam memastikan rekod kewangan yang tepat, mencegah ketirisan dan menyokong tadbir urus kewangan yang berkesan. Beliau juga menggalakkan para pelajar untuk mempertimbangkan kerjaya dalam bidang berkenaan bagi menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Program berkenaan menampilkan sesi perkongsian

ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.



SESI bergambar ramai pada Jerayawara Mengenai Profesion Perakaunan di Theatre Hall 1, Pusat Tingkatan Enam Sengkulong.

oleh Pengarah Akademi BICPA, Dayang Adeline Lau Pik Wen yang berkongsi tentang pengalaman dan perjalanan profesionalnya sebagai seorang akauntan.

Beliau turut menekankan pentingnya memperoleh kelayakan yang diakui secara global seperti Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), serta memberikan gambaran tentang pelbagai peluang kerjaya dalam profesion perakaunan termasuk sebagai juruaudit, penasihat cukai, penganalisa kewangan dan pakar runding.

Di samping sesi perkongsian,

para pelajar dan pensyarah turut menyertai aktiviti interaktif yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman mereka mengenai bidang perakaunan, diikuti dengan sesi soal jawab yang memberikan ruang interaksi dan penjelasan lanjut mengenai topik yang dibincangkan.

Inisiatif berkenaan merupakan sebahagian daripada usaha berterusan MOFE dan BICPA untuk mempromosi profesion perakaunan serta menyokong pembangunan bakat masa depan dalam sektor kewangan dan perkhidmatan perakaunan profesional di Negara Brunei Darussalam.



Pembarigaan 7 jenis Piawai Brunei Darussalam



RIMBA, Isnin, 1 Disember. - Kementerian Kewangan dan Pusat Standard dan Akreditasi Brunei Darussalam (PSABD), bekerjasama Jabatan Pertanian

Para pembentang ketika menyampaikan pembarigaan mengenai tujuh jenis Piawai Brunei Darussalam yang baru diterbitkan (kiri). Sementara gambar kanan dan bawah kiri, antara yang hadir pada program berkenaan.

dan Agrimakanan, Kementerian Sumber - Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) mengadakan program pembarigaan pada sebelah pagi, hari ini, di Dewan Simpung, Pusat Agribisnes Rimba, Gadong, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, di sini.

Program pembarigaan berkenaan adalah mengenai tujuh jenis Piawai Brunei Darussalam (PBD) seperti PBD 46:2024 - Bendir; PBD 47:2024 - Sekoi; PBD 48:2024 - Cendawan Tiram; PBD 49:2024 - Pisang; PBD 50:2024 - Nenas; PBD 51:2024 - Tomato; dan PBD 52:2024 - Kelapa Muda.

Objektif bagi pembarigaan berkenaan adalah untuk memperkenalkan dan memaklumkan kepada orang awam serta pihak-pihak berkepentingan mengenai tujuh jenis PBD yang baru diterbitkan, untuk dipraktikkan di dalam industri pertanian tempatan.



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad

Semasa acara berkenaan, satu pembentangan telah disampaikan oleh Penolong Pegawai Kerja Tingkat I, Awang Muhammad Noor Abdillah bin Hazaman mengenai kepentingan piawaian dan peranan PSABD dalam pembangunan piawaian.

Diikuti dengan penerangan oleh Pegawai Pertanian dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, KSSUP, Awang Mohammad Faa'id bin Haji Mohammad Kasim yang mengongsikan tentang isi kandungan tujuh jenis standard yang baharu diterbitkan.

Adalah diharapkan piawaian berkenaan akan menjadi rujukan dan panduan umum bagi pengimport, pengeksport, penyelidik akademik, pembuat

dasar dan juga untuk orang awam yang terlibat dalam pelbagai aspek rantai bekalan makanan serta aktiviti pertanian.

Acara pembarigaan berkenaan turut dihadiri oleh pelbagai pihak berkepentingan dari jabatan kerajaan dan sektor swasta seperti petani, wakil pasar raya, pembekal tanaman pertanian, pengimport atau pengeksport, Institusi-institusi Pendidikan Tinggi, koperasi, serta pegawai dan kakitangan daripada PSABD dan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, KSSUP.

Acara berkenaan diakhiri dengan penjualan tujuh jenis PBD baharu tersebut bagi merealisasikan inisiatif PSABD dan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, KSSUP.



FATHUL ILMI 1.0 : BANTU RINGKANKAN PERBELANJAAN KELUARGA MUALAF

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Disember. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf) dengan kerjasama Persatuan Nurul Islam (PNI) buat julung kalinya menganjurkan Projek Fathul Ilmi 1.0 bagi Tahun 2025 sempena persediaan sesi persekolahan 2026. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis perasmian projek berkenaan pagi tadi ialah Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman yang berlangsung di Bilik Mauizhah, Bangunan Darul Huda, pusat berkenaan.

Antara pengisian majlis perasmian berkenaan ialah menerima sumbangan daripada orang ramai kepada PDI.

Majlis kemudian diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Penolong Ketua Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf), PDI, Pengiran Haji Reduan bin Pengiran Haji Badaruddin.

Penerimaan sumbangan bagi projek berkenaan akan dibukakan kepada orang ramai selama empat hari bermula hari ini hingga 4 Disember 2025, mulai jam 8.30 pagi

PEMANGKU Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman hadir selaku tetamu kehormat pada majlis perasmian projek berkenaan.

sehingga 11.30 pagi dan jam 2.00 petang hingga 3.30 petang, bertempat di Bilik Mauizhah, Bangunan Darul Huda, PDI.

Adapun objektif projek berkenaan dilaksanakan adalah untuk mengumpulkan alat-alat persekolahan yang akan diserahkan kepada anak-anak muallaf.

Selain itu, inisiatif berkenaan turut memberi peluang kepada warga PDI dan orang awam untuk sama-sama berinfak serta membantu meringankan perbelanjaan keluarga muallaf dalam persiapan menyambut sesi persekolahan yang baharu.

Sebagai salah satu sarana dakwah dan rasa pemedulian pihak kerajaan, khususnya PDI dan persatuan-persatuan muallaf, projek berkenaan menyasarkan untuk memastikan anak-anak muallaf yang memerlukan dapat menikmati proses pembelajaran yang lebih dinamik dan inovatif.



Sistem Bruhaj kini kembali beroperasi sepenuhnya

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 Disember. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Bruhaj iaitu sistem pendaftaran haji dalam talian, kini beroperasi sepenuhnya dan boleh diakses semula bermula pada 11 Jamadilakhir 1447 Hijrah bersamaan 2 Disember 2025 Masihi.

Sistem Bruhaj telah ditutup sementara bagi memberi ruang kepada pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan serta penambahbaikan bagi meningkatkan kestabilan dan keselamatan sistem tersebut

bermula pada 2 Zulkaedah 1446H bersamaan 1 Mei 2025M setelah Bruhaj mula dilancarkan pada 30 Rejab 1446H bersamaan 20 Januari 2025M.

Sehubungan itu, orang ramai yang berhasrat untuk membuat pendaftaran haji bolehlah mengakses Bruhaj melalui laman sesawang <https://bruhaj.gov.bn> dengan menggunakan akaun e-darussalam masing-masing.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai Bruhaj, orang ramai bolehlah berhubung terus ke Jabatan Urusan Haji, KHEU melalui talian telefon, +673 2382525 sambungan 287 atau e-mel, juh.kheu@mora.gov.bn.



STATUS PENYELENGGARAAN SISTEM BRUHAI

MAKLUMATAN KEPADA ORANG RAMAI

Kerja-kerja penyelenggaraan dan penambahbaikan teknikal bagi Sistem BruHaj telah selesai.

Sistem BruHaj kini beroperasi semula dan dibuka kepada orang ramai bagi pendaftaran haji secara online.

Kementerian Hal Ehwal Ugama memohon maaf atas kesulitan yang dihadapi dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kesabaran, pemahaman dan kerjasama para pengguna sepanjang tempoh penyelenggaraan ini.



BELUM MENDAFTAR HAJI?
Sila layari LAMAN SESAWANG
untuk mendaftar haji

<https://bruhaj.gov.bn>

Selera KAMPUNG Kitani



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Ikan Bakulan Masak Lemak Kampung Kiarong

BAHAN-BAHANNYA :

1 ekor isi ikan bakulan
1 kotak santan 110ml
3 ulas bawang merah
3 ulas bawang putih
3 sudu makan lada kisar
5 keping asam kulit

2 biji lada hidup

500ml air
Minyak untuk menumis

CARA-CARA MEMASAK :

Tumis bawang merah, bawang putih dan lada kisar. Kemudian

masukkan isi ikan bakulan yang sudah dicarik-carik. Setelah itu, masukkan air, asam kulit, santan dan masukkan beberapa hirisan lada hidup. Akhir sekali perasakan dengan garam dan sedikit gula.

MEMBINCANGKAN PROJEK ASEAN DALAM SEKTOR KEBUDAYAAN, PENERANGAN



SESI bergambar ramai pada Mesyuarat ASEAN Committee on Culture and Information (ASEAN COCI) Kali Ke-60 yang berlangsung pada 25 hingga 27 November 2025, bertempat di Sekretariat ASEAN, Jakarta, Republik Indonesia.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Penerangan

JAKARTA, REPUBLIK INDONESIA, Isnin, 1 Disember. - Negara Brunei Darussalam baru-baru ini menghadiri Mesyuarat ASEAN Committee on Culture and Information (ASEAN COCI) Kali Ke-60 yang telah berlangsung pada 25 hingga 27

November 2025, bertempat di Sekretariat ASEAN, Jakarta, Republik Indonesia. Mesyuarat berkenaan dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Jabatan Penerangan dan Jabatan

Radio Televisyen Brunei. Delegasi telah diketuai oleh Pengarah Kebudayaan dan Kesenian, KKBS, Awang Haji Abdoh bin Haji Awang Damit selaku wakil Pengerusi Kebangsaan ASEAN COCI, dan selaku Pengerusi Jawatankuasa Kecil Kebudayaan ASEAN COCI. Turut menghadiri mesyuarat

berkenaan, Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN COCI. Mesyuarat telah membincangkan projek-projek ASEAN dalam sektor kebudayaan dan penerangan.

Sempena Memperingati 60 Tahun Penubuhan ASEAN COCI, negara tuan rumah Republik Indonesia juga telah mengadakan Forum Jubli Fiesta bagi mengongsikan pengalaman beberapa orang ahli panel yang terlibat dalam projek-projek ASEAN COCI sepanjang penubuhannya.

2 pelajar, seorang guru sertai Grand Finale China-ASEAN Innovation Quest

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Disember. - Dua pelajar dan seorang guru dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan menyertai Grand Finale China-ASEAN Innovation Quest yang dianjurkan oleh Guilin University of Electronic Technology, di Nanning, China. Program tersebut akan diadakan pada 30 November hingga 2

Disember 2025. Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, kelmarin, bagi mengucapkan selamat belayar kepada para peserta ialah Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Profesional), Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS), Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Suriani binti Haji Noor Hashim.

Turut hadir, pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan dari JSS, Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Pusat STEP); serta ibu bapa dan ahli keluarga pelajar. Pelajar yang mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) ialah Lee Jing Jing dan Lim Mei Ling, diiringi oleh guru mereka, Dayang Marlina binti Awang Haji Mohammad Said selaku ketua delegasi. Mereka akan bertanding dalam kategori 'Teknologi Hijau' dengan projek bertajuk 'Earth Battery: Sustainable Harvest'. Pasukan ini telah berjaya meraih kedudukan tiga terbaik dalam pertandingan yang berlangsung di Sunway City, Kuala Lumpur pada 24 hingga 27 Oktober yang lalu, sekali gus melayakkan mereka ke pusingan akhir di Nanning untuk bersaing bersama para inovator dari

Republik Rakyat China. Penyertaan ini telah meningkatkan keyakinan para pelajar dalam membentangkan idea inovatif mereka, disamping memperluaskan pendedahan terhadap teknologi baharu dan kerjasama rentas budaya. Pengalaman tersebut turut memperkukuhkan pemahaman mereka tentang kemampanan dan inovasi pada peringkat antarabangsa. Sepanjang persediaan, para pelajar menunjukkan komitmen, ketabahan, dan rasa ingin tahu yang tinggi. Penglibatan mereka dalam program berprestij ini bukan sahaja membuka peluang kepada amalan inovasi global terkini, tetapi turut memberi dorongan untuk berfikir lebih berani dan kreatif melangkaui batas bilik darjah. Peluang ini secara langsung

menyokong hasrat negara dalam melahirkan generasi baharu inovator yang mampu membawa perubahan bermakna. Melalui penglibatan mereka dalam penyelesaian masalah sebenar dan pembangunan teknologi lestari, para pelajar memperoleh kemahiran abad ke-21 yang penting, yang akan menyumbang kepada kemajuan NBD dalam bidang sains, teknologi, inovasi dan pemeliharaan alam sekitar. Penyertaan mereka juga mencerminkan potensi besar belia Brunei untuk berdiri yakin di pentas global dan memelopori penyelesaian yang memberi manfaat kepada masyarakat dan negara. Penyertaan delegasi berkenaan diselenggarakan oleh Kementerian Pendidikan NBD melalui Pusat STEP dan JSS.

HALUAN

>> Muka 2

Lebih daripada 40 pengusaha tempatan menyertai karnival ini, termasuk produk INSAF yang dihasilkan sebagai sebahagian aktiviti pemulihan banduan. Turut memeriahkan suasana ialah penyertaan *food trucks* dan pengusaha makanan tempatan, yang menunjukkan keterlibatan komuniti secara lebih meluas dalam program pembangunan usahawan negara. Tidak ketinggalan, Siri Taklimat (Talk Series) turut diadakan, merangkumi topik-topik yang memberi manfaat terus kepada rakyat seperti dasar buruh, peraturan imigresen, pengurusan kemudahan bandar, dan garis panduan hiburan awam. Siri taklimat ini menyediakan ruang kepada orang ramai untuk mendapatkan penjelasan jelas, tepat dan terus daripada pegawai yang bertanggungjawab. Sehubungan itu, peramba, saya menyeru semua pengunjung untuk memanfaatkan peluang ini dengan mengunjungi setiap petak pameran yang disediakan. Jadikan acara ini sebagai platform keterbukaan, komunikasi dua hala serta perkongsian pandangan secara langsung, demi memperkukuhkan lagi mutu perkhidmatan awam negara. Semoga kerjasama erat antara kerajaan dan rakyat dapat diteruskan dalam semangat ke arah negara maju yang berwawasan, stabil dan inklusif. Sebelum mengakhiri ucapan ini, peramba, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada ahli-ahli jawatankuasa dan semua pihak terlibat yang telah berusaha dengan penuh komitmen menjayakan acara Kenali KementerianKu Tahun 2025. Semoga segala sumbangan, khidmat bakti dan pengorbanan yang dicurahkan akan diberkati dan diberi ganjaran sebaik-baiknya oleh Allah Subhanahu Wata'ala.



PEMANGKU Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Profesional), Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Suriani binti Haji Noor Hashim hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada para peserta.



Raikan pencapaian OKU dalam masyarakat

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Jabatan Penerangan

TARIKH 3 Disember menandakan Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) atau 'International Day of Persons with Disabilities' yang disambut oleh negara-negara Ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) termasuk Negara Brunei Darussalam. Acara tahunan yang dianjurkan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) ini adalah sebagai tanda penghargaan di atas pencapaian Orang Kelainan Upaya (OKU) dalam masyarakat selain untuk membarigakan kesedaran terhadap cabaran-cabaran semasa yang dihadapi oleh golongan berkenaan.

Sambutan juga diadakan sebagai salah satu usaha pihak kerajaan ke arah memupuk kesedaran orang ramai dengan mendidik masyarakat akan keperluan OKU sekali gus membentuk pandangan positif terhadap golongan berkenaan. Di samping itu, sambutan diharap akan dapat mengukuhkan ekosistem pembangunan OKU dan meningkatkan keterlibatan orang ramai ataupun masyarakat khususnya dan juga pihak berkepentingan melalui penganjuran acara serta memperkasa penyertaan golongan OKU untuk sama-sama meraikan

perkembangan dan pencapaian OKU dalam masyarakat.

Tema

Sambutan tahun ini bertemakan 'Fostering Disabilities-Inclusive Society For Advancing Social Progress' atau 'Memupuk Masyarakat Berkelainan Upaya Yang Inklusif Ke Arah Kemajuan Sosial'. Dalam hal ini, kemajuan sosial adalah mengikut peredaran semasa apabila masyarakat menyediakan ruang dan peluang serta sokongan yang inklusif kepada OKU sambil memastikan OKU sebahagian daripada proses pembangunan dalam komuniti. Tema juga adalah untuk mengangkat individu OKU mempunyai potensi, bakat dan peranan penting dalam pembangunan negara. Memupuk pula membawa pengertian kepada membina suasana yang inklusif dan menyokong agar golongan OKU senang bergerak, mempunyai akses fizikal dan pengangkutan mesra OKU serta menyediakan sokongan teknologi dan komunikasi alternatif.

Walaupun terdapat kemajuan dalam banyak bidang, OKU di semua rantau masih menghadapi pelbagai halangan untuk mendapatkan pendidikan, pekerjaan, perlindungan sosial dan penyertaan dalam kehidupan awam. Ramai yang kekal berisiko tinggi mengalami kemiskinan, menghadapi kesusahan ekonomi yang tidak seimbang

dan berdepan diskriminasi sistemik yang mengehadkan peluang sama rata.

Sambutan tahun ini juga menekankan bagaimana keterangkuman orang kurang upaya adalah penting untuk mencapai pembasmian kemiskinan, pekerjaan dan produktif serta kerja yang layak untuk semua dan integrasi sosial yang sebenar. Ia juga akan mengetengahkan kepentingan perkhidmatan awam yang mudah diakses, hak yang sama rata, sistem sokongan berasaskan komuniti dan penyertaan bermakna dalam proses membuat keputusan.

Acara sambutan

Beberapa rancangan telah disusun sempena sambutan tahun ini antaranya penyalan lampu berwarna ungu di beberapa lokasi utama termasuk Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin, Bangunan Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja sebagai menyokong warna tema yang telah ditetapkan oleh PBB. Juga diadakan ialah Majlis Doa Kesyukuran dan Mencintai Al-Quran anjuran KKBS melalui Bahagian Kelainan Upaya, JAPEM; Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Pengajian Islam dan juga Kementerian Pendidikan melalui JPKhas serta kerjasama dengan beberapa NGO

kelainan upaya di negara ini. Majlis yang buat julung kalinya diadakan itu antara lain bertujuan untuk menanamkan rasa cinta dan minat terhadap Al-Quran dalam kalangan OKU selain sebagai salah satu usaha bagi mewujudkan suasana sosial keagamaan dalam komuniti OKU. Seramai 40 peserta OKU terdiri daripada murid-murid berkeperluan khas dijangka akan menyertai acara tersebut.

Selain itu, sambutan pada tahun ini juga mengadakan OKU Got Talent, satu inisiatif yang bertujuan untuk menyerlahkan pelbagai bakat dalam komuniti OKU. Pertandingan ini berfungsi sebagai platform untuk golongan OKU memperlihatkan bakat masing-masing di samping meningkatkan keyakinan diri mereka.

Sokongan padu daripada semua pihak

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa pemedulian terhadap golongan OKU bukan sekadar tanggungjawab kerajaan atau NGO semata-mata tetapi ia hendaklah digalas bersama oleh seluruh lapisan masyarakat. Oleh itu, sokongan padu dari semua pihak adalah amat diharap-harapkan bagi meningkatkan peluang OKU untuk hidup berdikari dalam komuniti, agar mereka tidak tercicir dalam arus pembangunan negara.



MENGUKUHKAN BUDAYA PENYELIDIKAN DALAM KOMUNITI KEWANGAN ISLAM

■ Berita dan Foto : Nurdyanah Rajami

JERUDONG, Selasa, 2 Disember. - Laman sesawang Brunei Darussalam Islamic Finance (BDIF) berfungsi sebagai hab untuk memupuk pemahaman, kerjasama dan perkembangan secara lebih meluas dalam ekosistem kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Ia menghimpunkan maklumat penting mengenai pertumbuhan industri, landskap peraturan dan inisiatif strategik, di samping mempamerkan usaha dalam penyelidikan, pendidikan dan perkembangan modal insan.

Ini menandakan satu pencapaian signifikan dalam meningkatkan akses kepada pengetahuan dan sumber-sumber kewangan Islam.

Perkara berkenaan antara yang dijelaskan oleh Penolong Pengarah Eksekutif dan Ketua Perkembangan Kewangan, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Awang Mohammed Roaizan bin Haji Johari semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei sejurus Majlis Perasmian Simposium BDIF 2025, yang berlangsung di Indera

Kayangan Ballroom, The Empire Brunei, pagi tadi.

Jelasnya lagi, dengan memperkasa tema Simposium BDIF 2025, 'Navigating Digital Frontiers in Islamic Finance', ia menumpukan kepada peranan inovasi digital dalam membentuk semula kewangan Islam.

"Melalui penganjuran simposium ini, ia juga bertujuan untuk meneroka cara-cara teknologi seperti penyelesaian FinTech, perbankan digital dan ekosistem digital yang sedang berkembang dapat meningkatkan perkhidmatan kewangan patuh syariah," ujarnya.

Awang Mohammed Roaizan seterusnya mengongsikan salah satu komponen utama simposium berkenaan, iaitu pembentangan daripada para pemenang BDIF Call-for-Papers (CFP) 2024, yang memberikan pendedahan kepada penyelidikan berkualiti tinggi dan idea-idea inovatif.

Inisiatif CFP berkenaan tambahnya, dirangka untuk mengukuhkan budaya penyelidikan dalam komuniti

kewangan Islam, bukan sahaja dalam kalangan akademik tetapi juga para pengamal industri dan pelajar.

"Dengan menyediakan platform untuk penyelidikan yang kukuh dan berkualiti, kami berharap ia dapat menjana perspektif baharu serta analisis yang mendalam mengenai isu-isu yang menjelang.

"Objektif utama CFP ialah untuk merapatkan jurang antara teori dan amalan. Kertas kerja yang diterima menangani cabaran sebenar dan mendesak daripada inovasi digital dan mekanisme akauntabiliti kepada kedayatahan perusahaan.

"Dengan mengiktiraf dan mengetengahkan sumbangan ini, BDCB berharap agar pandangan akademik dapat diterjemahkan kepada penyelesaian yang praktikal dan boleh diguna pakai dan dilaksanakan," ujarnya.

Tambah Awang Mohammed Roaizan lagi, tarikan CFP yang semakin meningkat mencerminkan pertambahan minat dan keyakinan terhadap platform berkenaan dengan bilangan penghantaran abstrak meningkat daripada 41 pada 2023 kepada 100 pada

PENOLONG Pengarah Eksekutif dan Ketua Perkembangan Kewangan, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Awang Mohammed Roaizan bin Haji Johari semasa ditemu bual Pelita Brunei sejurus Majlis Perasmian Simposium Brunei Darussalam Islamic Finance (BDIF) 2025 berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Brunei.



2024, manakala penghantaran kertas penuh bertambah daripada 24 kepada 28.

"Trend peningkatan yang jelas ini menunjukkan penglibatan yang lebih kukuh, usaha penyelidikan yang lebih mendalam serta kematangan ekosistem yang semakin meningkat.

"Dalam jangka masa panjang, BDCB berharap inisiatif ini dapat menggalakkan penyertaan yang lebih meluas dalam CFP akan datang. Seiring dengan perkembangan kewangan Islam, khususnya dalam menghadapi transformasi digital yang giat berkembang, idea baharu, penyelidikan berasaskan bukti dan pemikiran inovatif adalah

imperatif," ujarnya.

Simposium BDIF 2025 berkenaan dianjurkan oleh BDCB dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) serta Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) sebagai hos simposium. Ia merupakan sebuah platform perbincangan bagi para pakar industri, akademik, penggubal dasar, dan pelajar berkaitan perkembangan terkini, cabaran yang menjelang serta peluang-peluang baharu dalam landskap kewangan Islam. Dengan menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan, simposium berkenaan mengukuhkan lagi kerjasama dan kepimpinan pemikiran dalam bidang tersebut.

Komited melaksanakan amanah, memperkukuh agenda penyelidikan

■ Berita dan Foto : Nurdyanah Rajami

tahun lepas.

CFP menyediakan platform untuk para penyelidik, pengamal dan pelajar untuk menyumbangkan kertas akademik mengikut tema yang telah dikenal pasti, di mana beberapa kertas kerja yang dikemukakan telah terpilih berdasarkan kecemerlangan dan inovasi.

Bagi Anugerah Kertas Terbaik itu telah meraihan sebanyak tiga teratas kertas terbaik (*top 3 best papers*) meliputi dua kategori iaitu Kategori Profesional dan juga Kategori Pelajar.

Ketika ditemu bual Pelita Brunei, salah seorang pemenang Anugerah Kertas Terbaik CFP 2024 bagi Kategori Profesional, Profesor Madya Dr. Vita Sarasi dari Universitas Padjadjaran, Bandung, Republik Indonesia dengan kertas kerja beliau bertajuk 'Enhancing Transparency in Islamic Finance through Blockchain : A System Thinking Approach to Accountability' antaranya mengungkapkan kesyukuran yang tidak terhingga atas penerimaan anugerah yang begitu berharga yang mana ia sememangnya akan menjadi sumber kekuatan dan

KONGSI PENGALAMAN, PERKUKUH HUBUNGAN PERSAUDARAAN



Siaran Akhbar dan Foto : Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Disember. - Ahli Jawatankuasa Mukaramah Masjid Imam Haji Awang Hashim (MIHAH) Pekan Sipitang, Sabah mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan memperkukuhkan ukhuwah dengan Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) dan Unit Muslimah Fiqah Ulya Najihat Masjid Kampung Sungai Besar (MKSB), baru-baru ini.

Ketibaan rombongan lawatan daripada Mukaramah MIHAH itu dialu-alukan dengan laungan Tausiyah oleh beliawanis masjid dan disambut mesra oleh Ketua Kampung Sungai Besar, Serdang dan Sungai Belukut, Leftenan Kolonel (B) Awang Haji Zaini bin Haji

Damit, yang juga selaku Penasihat I MKSB.

Turut hadir, Penasihat II MKSB, Awang Haji Mohidin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Juga mengalu - alukan rombongan ialah Penasihat Unit Muslimah Fiqah Ulya Najihat MKSB, Dayang Hajah Jamaliah Juini dan Ketua Muslimah masjid berkenaan, Dayang Hajah Siti Awal binti Radin.

Dalam ucapannya, Ketua Kampung Sungai Besar, Serdang dan Sungai Belukut menzahirkan harapan agar kunjungan berkenaan dapat mempereratkan lagi ukhuwah antara masyarakat kedua-dua pihak.

Beliau turut menekankan bahawa

pertemuan seumpama itu akan mengukuhkan hubungan persaudaraan dan menjadi wadah untuk berkongsi pengalaman serta pengetahuan yang bermanfaat.

"Semoga kunjungan ini menjadi peluang untuk kita memperkukuhkan iman serta meningkatkan kefahaman dalam menegakkan syiar Islam," tambahnya.

Sementara itu, dalam ucapan balas, ketua rombongan, Awang Haji Awang bin Haji Said menjelaskan, selaku ahli jawatankuasa masjid, mereka memang mempunyai cabaran-cabaran dalam mengimarahkan masjid.

Katanya, MIHAH telah mengamalkan tiga kombinasi pembangunan termasuk fizikal, insan dan ilmu, yang mampu



SUASANA lawatan daripada rombongan Ahli Jawatankuasa Mukaramah Masjid Imam Haji Awang Hashim Pekan Sipitang, Sabah (kiri, atas dan bawah).



memacu perkembangan dan kemajuan masjid berkenaan.

Beliau berharap lawatan balas itu akan menambahkan lagi ilmu untuk diterapkan dalam menyemarakkan lagi MIHAH.

Semasa lawatan, rombongan berkenaan mendengar taklimat mengenai latar belakang dan perkembangan MKSB dan diertatkan lagi dengan pertukaran cenderahati.



ALAI PINTAR 162

SOALAN 3 DISEMBER 2025, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- Antara berikut, yang manakah alat elektrik?
 - Kipas
 - Buku
 - Cawan
- Berapakah nilai $25 + 37$?
 - 52
 - 62
 - 82
- Antara berikut, yang manakah adalah bulan dalam kalendar Islam?
 - April
 - Ogos
 - Safar

TARIKH TUTUP : 13 DISEMBER 2025

HADIAH PEMENANG

- ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
- ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

PEMENANG ALAI PINTAR 161 :

Nama : Muhammad Ammar Syafi' bin Haji Mohamad Ali Rasyid
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0007158-12. Sekolah : Chung Lian, Sungai Liang

Nama : Nur Aisyah Hanania binti Mohd. Hamjah
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0139164-01. Sekolah : Sekolah Rendah Mentiri

Nama : Muhammad Akram Syafiee Syahmi bin Muhd Syafiq
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0122956-01. Sekolah : Sekolah Rendah Serasa

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 7293554 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :
Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 161

- A - Rendah
- A - Mikroskop
- A - Sihat

PERWAKILAN GLOBAL MENEROKA KERJASAMA INDUSTRI HIJAU DI EKSPLO CHINA



PEDAGANG asing melawat Ekspo Pelaburan dan Perdagangan Pembangunan Hijau Dunia 2025 & Ekspo Makanan Hijau China di Nanchang, Wilayah Jiangxi, Timur China, 28 November 2025.

NANCHANG, 2 Dis. - Sebuah robot bernama 'Pasini' menarik perhatian orang ramai di Ekspo Pelaburan dan Perdagangan Pembangunan Hijau Dunia 2025 & Ekspo Makanan Hijau China, sambil menggerakkan lengan mekanikalnya, yang dilengkapi dengan hampir 2,000 sensor sentuhan.

Blogger India, Amit Kumar, mengangkat telefonnya untuk menyiarkan secara langsung pemandangan tersebut kepada

pengikutnya di luar negara, dengan penuh semangat menerangkan teknologi canggih yang dipamerkan.

"Ekspo ini sungguh menakjubkan! Ia mempamerkan teknologi hijau canggih sambil menawarkan peluang untuk mencuba masakan mesra alam dari seluruh dunia," kata Kumar.

Acara yang diadakan dari 27 hingga 30 November di Nanchang, ibu kota Wilayah Jiangxi di timur China, telah menghimpunkan lebih

2,500 pempamer dari lebih 60 negara dan wilayah.

Acara ini mempamerkan teknologi hijau terkini merentasi pelbagai industri seperti tenaga baharu, kecerdasan buatan, kecerdasan terwujud dan ekonomi altitud rendah, serta produk makanan hijau dari seluruh dunia. Menurut penganjur, lebih daripada 60 projek bernilai 45 bilion yuan (kira-kira USD6.36 bilion) telah ditandatangani.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, China telah secara aktif memajukan peralihan tenaga hijau melalui tindakan konkrit, mewujudkan sistem bekalan tenaga bersih terbesar di dunia.

Menurut Kementerian Ekologi dan Alam Sekitar, China telah membantu mengurangkan kos penjanaan kuasa angin dan fotovoltai global masing-masing sebanyak lebih 60 peratus dan 80 peratus, dan menyumbang 46 peratus daripada pekerjaan tenaga boleh diperbaharui dunia.

Menjelang 2024, eksport produk angin dan solar China telah membantu negara lain secara kumulatif mengurangkan pelepasan karbon sebanyak lebih 1 bilion tan.

"China secara aktif mencari kerjasama yang lebih mendalam dalam industri hijau global dan berusaha ke arah matlamat puncak karbon dan peneutralan karbonnya," kata Jia Kang,

seorang penyelidik di Akademi Sains Fiskal China.

Seah Shoo Chin, Ahli Majlis Eksekutif Negeri Malaysia untuk Melaka, mengalu-alukan perusahaan China untuk meneroka kerjasama industri hijau di Malaysia.

Melaka sedang memajukan projek hijau seperti inisiatif sisa-ke-tenaga sambil menawarkan taman perindustrian untuk pelaburan dan pensijilan makanan halal berkualiti tinggi. "Kami berharap dapat memperdalam kerjasama China-Malaysia dalam pembuatan hijau, tenaga bersih dan ekonomi kitaran, mewujudkan projek inklusif dan boleh direplikasi," kata Seah.

Pameran itu juga menarik pembeli dari seluruh dunia, yang kebanyakannya kagum dengan produk inovatif yang dipamerkan. Souley Fihadij Adamou dari Republik Niger, yang telah terlibat dalam perdagangan China-Afrika selama sedekad, dilihat menguji beg pakaian elektrik yang boleh ditunggang.

"Beg pakaian ini boleh berjalan sehingga 13 kilometer dengan sekali cas. Ia lancar dan mudah ditunggang, dan ia mempunyai potensi pasaran yang ketara," katanya.

Di gerai Jiangxi Godfrey Technology Co., Ltd., Immaculée Agbaka mempamerkan pengeras, pembesar suara dan produk lain syarikat itu kepada pembeli



antarabangsa.

"Kami telah menerima lebih 60 pembeli yang secara proaktif menghubungi kami, ingin membincangkan butiran kerjasama secara mendalam," kata Agbaka, sambil menyatakan bahawa pelawat dari pelbagai wilayah membawa pelbagai keperluan dan cadangan, menawarkan pandangan berharga untuk penaiktarafan produk pada masa hadapan.

Mutale Nalumango, naib presiden Zambia, menyatakan pada majlis perasmian ekspo bahawa Zambia bercita-cita untuk membina ekonomi hijau yang mampan dan berdaya tahan, memandangkan perubahan iklim telah menyebabkan kemarau yang berpanjangan dan corak hujan yang tidak menentu, memberi tekanan kepada sektor utama seperti kuasa hidro dan pertanian.

"Kami amat berterima kasih kepada perusahaan dan rakyat China kerana datang ke Afrika, terutamanya untuk melabur dan menubuhkan perniagaan di Zambia, termasuk pembangunan taman perindustrian," kata Nalumango. "Kami berharap dapat memperdalam lagi kerjasama dalam bidang seperti makanan hijau dan tenaga bersih pada masa hadapan". - ©XINHUA

Angka korban banjir di Sri Lanka meningkat kepada 337, 370 lagi hilang

ISTANBUL, 1 Dis. - Angka korban akibat banjir di Sri Lanka meningkat kepada 334 orang manakala 370 lagi dilaporkan hilang, menurut Pusat Pengurusan Bencana negara itu pada Ahad, lapor Anadolu Ajansi (AA) yang memetik media tempatan.

Operasi mencari dan menyelamatkan diteruskan di beberapa kawasan yang terjejas akibat banjir, tanah runtuh dan kemusnahan meluas sejak pulau itu dilanda cuaca buruk pada 17 November, lapor Newswire.

Sejak Siklon Ditwah melanda Sri Lanka pada Rabu, kira-kira 1.12 juta orang daripada 309,607 keluarga telah terjejas di seluruh negara.

Menurut News 1st, sebanyak 1,275 pusat bantuan kini beroperasi dan menyediakan perlindungan kepada 180,499 individu yang terpaksa berpindah akibat bencana itu.

Angkatan tentera sedang melaksanakan operasi udara dan

darat untuk memindahkan mangsa yang terperangkap, manakala pasukan bantuan bekerja pantas menyalurkan makanan, air dan bekalan perubatan.

Menurut Daily Mirror, sebuah helikopter Tentera Udara Sri Lanka terhempas pada Ahad ketika menjalankan operasi bantuan bencana, namun semua kru berjaya diselamatkan dan dibawa ke hospital.

Portal berita Ada Derana melaporkan semua universiti, institusi pengajian tinggi dan pusat latihan vokasional di bawah Kementerian Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Pendidikan Vokasional akan menghentikan aktiviti akademik sehingga 8 Disember.

Presiden Anura Kumara Dissanayake pada Sabtu mengisytiharkan darurat bagi negara Asia Selatan itu susulan kerosakan meluas yang disebabkan oleh Siklon Ditwah, menurut Daily Mirror.

Kerajaan turut menggalakkan rakyat Sri Lanka di luar negara dan warga asing menyumbang kepada usaha membantu mereka yang terjejas akibat bencana itu.

Pihak berkuasa juga telah mengeluarkan amaran banjir berisiko tinggi bagi beberapa sungai utama, menasihatkan penduduk di kawasan hilir sungai supaya segera berpindah.

Dissanayake turut mengarahkan lebih 20,000 anggota tentera dikerah bagi operasi menyelamatkan, lapor Daily Mirror.

Pihak berkuasa sebelum ini mengeluarkan amaran merah tanah runtuh bagi lapan daerah berisiko tinggi.

Menurut All India Radio, Jabatan Meteorologi India telah mengeluarkan amaran merah untuk kawasan tenggara Republik India, termasuk utara Tamil Nadu, Puducherry dan pesisir pantai selatan Andhra Pradesh yang bersempadanan. - ©BERNAMA

Republik Indonesia keluar ramalan hujan, banjir di Sumatera ragut 442 nyawa, 402 hilang

ANKARA, 1 Dis. - Badan Meteorologi, Klimatologi dan Geofizik (BMKG) Republik Indonesia mengeluarkan ramalan potensi hujan pada Isnin di sebahagian besar wilayah negara itu ketika angka korban akibat banjir dan tanah runtuh di Sumatera terus meningkat.

Anadolu Ajansi (AA) yang memetik Kompas TV melaporkan bahawa ramalan itu dikeluarkan

selepas BMKG merekodkan peningkatan hujan di beberapa kawasan dan menyatakan beberapa bandar berisiko mengalami cuaca ekstrem.

Pada Ahad, Badan Nasional Pengurusan Bencana (BNPB) berkata jumlah korban akibat banjir dan tanah runtuh yang berterusan di Sumatera meningkat kepada 442 orang, dengan 402 yang lain masih

hilang.

Agensi itu berkata pasukan mencari dan menyelamatkan meneruskan usaha mereka masuk hari keenam di kawasan terjejas untuk mengesan mangsa yang masih hilang.

Data turut menunjukkan 646 orang cedera, manakala 1.1 juta lagi terjejas, ratusan rumah rosak dan lebih 290,000 penduduk kehilangan

tempat tinggal akibat banjir berkenaan.

Banyak kawasan terjejas masih belum dapat diakses, dan pasukan mencari menjalankan

operasi di darat serta melalui udara, namun keadaan muka bumi yang mencabar mengehadkan penggunaan jentera berat. - ©BERNAMA

Lebih 8,500 penerbangan di AS alami kelewatan akibat ribut salji

WASHINGTON, 1 Dis. - Lebih 8,500 penerbangan mengalami kelewatan dan ratusan lagi dibatalkan akibat ribut salji yang menjejaskan Colorado dan barat laut Amerika Syarikat (AS), menurut data FlightAware, lapor Sputnik/RIA Novosti.

Menurut laporan media AS sebelum ini, amaran ribut salji telah dikeluarkan bagi barat laut negara itu pada Sabtu. Susulan itu, lebih 1,400 penerbangan domestik dan antarabangsa di seluruh negara dibatalkan.

Menurut data penjejakan penerbangan masa nyata, jumlah keseluruhan penerbangan yang mengalami kelewatan di dalam, memasuki dan meninggalkan negara itu hari ini mencecah 8,558, dengan 686 penerbangan dibatalkan di Amerika Syarikat daripada 1,072 pembatalan di seluruh dunia.

Lapangan Terbang Antarabangsa O'Hare (ORD) di barat laut Chicago, Illinois, menghadapi gangguan paling ketara, dengan 121 penerbangan telah dibatalkan, menurut perkhidmatan itu. - ©BERNAMA

Kebakaran di kilang Nippon Steel di Hokkaido, tiada kecederaan dilaporkan

HOKKAIDO, 1 Dis. - Sebuah kilang yang dikendalikan oleh Nippon Steel Corp di Hokkaido, utara Jepun terbakar dalam kejadian pada awal pagi Isnindengan tiada kecederaan dilaporkan, menurut pihak berkuasa tempatan, lapor Agensi Berita Kyodo.

Menurut polis, jabatan bomba dan Nippon Steel, kebakaran itu berlaku di sebuah 'relau udara panas' yang menyalurkan udara panas ke relau bagas bagi proses pengekstrakan besi. Mereka berkata api tidak merebak ke kawasan luar kilang berkenaan, sambil menambah bahawa siasatan sedang dijalankan untuk menentukan punca kejadian.

Panggilan kecemasan dibuat kira-kira 12.55 pagi oleh seorang jiran yang mendengar bunyi letupan di kilang di Muroran itu, menurut jabatan bomba.

Kilang keluli seluas 4.33 juta meter persegi itu sedang beroperasi ketika kebakaran berlaku, menurut Nippon Steel. Syarikat itu berkata ia sedang menilai kesan kebakaran terhadap operasi mereka. - ©BERNAMA



MINI KARNIVAL KELUARGA ERATKAN SILATURAHIM, PUPUK PERPADUAN



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Mini Karnival Keluarga Kampung Bunut Perpindahan 2025 (kiri sekali), manakala gambar kiri, Mini Karnival Keluarga berkenaan dihasrat akan dapat diteruskan lagi pada masa-masa akan datang dan menjadi tradisi tahunan kampung itu.

sukan keluarga, jualan bazar dari penduduk kampung, persembahan hiburan dan juga acara keagamaan.

Mini Karnival Keluarga berkenaan dihasrat akan dapat diteruskan lagi pada masa-masa akan datang dan menjadi tradisi tahunan kampung itu.

Semoga ia juga akan menjadi wadah untuk membina keluarga yang harmoni, masyarakat yang bersatu padu serta menghasilkan generasi belia yang aktif, berdisiplin dan berwawasan.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BUNUT, Isnin, 1 Disember. - Majlis Perundingan Kampung Bunut Perpindahan dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Bunut dan Ikatan Persatuan Belia Bunut (IKERAB) menganjurkan Mini

Karnival Keluarga Kampung Bunut Perpindahan 2025.

Majlis perasmiaannya diadakan petang tadi di Kawasan Lapang Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat

dan seterusnya merasmikan Mini Karnival Keluarga ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Mini Karnival Keluarga ini bertujuan untuk mengukuhkan hubungan kekeluargaan serta mengeratkan silaturahmi di antara

penduduk Kampung Bunut Perpindahan, di samping sebagai platform untuk menggalakkan gaya hidup sihat, memupuk perpaduan dan semangat kejiranan, serta merangsang penglibatan belia dan masyarakat dalam aktiviti kemasyarakatan.

Pelbagai aktiviti dan jualan disediakan seperti pertandingan

PEKERTI anjurkan Aktiviti Riadah Berbasikal

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Disember. - Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) mengadakan Aktiviti Riadah Berbasikal 'Ceria, Cergas dan Sihat Berbasikal', kelmarin semasa Program Bandarku Ceria, di ibu negara.

Aktiviti tersebut merupakan salah satu program bagi menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan Ahli PEKERTI melalui senaman riadah berbasikal.

Ia juga bertujuan untuk mengukuhkan semangat kebersamaan dan kerjasama Ahli-ahli PEKERTI termasuk menyokong inisiatif pihak kerajaan melalui program Bandarku Ceria dalam mewujudkan masyarakat yang cergas dan sejahtera.

Aktiviti berkenaan dimeriahkan dengan penglibatan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi PEKERTI serta Ahli-ahli PEKERTI daripada tujuh cawangan lain, termasuk isteri



ANTARA yang menyertai Aktiviti Riadah Berbasikal 'Ceria, Cergas dan Sihat Berbasikal' semasa Program Bandarku Ceria, di ibu negara.

pegawai dan isteri anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Turut menyertai aktiviti tersebut ialah Yang Di-Pertua PEKERTI, Datin Sabrina

Aziemah binti Abdullah Chong dan Pengerusi Badan Sukan PEKERTI, Supt. Gina See Yok Gan.

Aktiviti Riadah Berbasikal ini didahului oleh Yang Di-Pertua

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

PEKERTI, bermula dari Balai Polis Bandar Seri Begawan (BSB) dan seterusnya mengelilingi BSB sejauh 10 kilometer, kemudian

menuju ke Jalan Jabatan Perdana Menteri. Aktiviti berbasikal berakhir di Balai Polis BSB.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MEMUPUK MASYARAKAT BERKELAINAN UPAYA YANG INKLUSIF KE ARAH KEMAJUAN SOSIAL